



NOVEMBER 16 -30, 2020

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow


# Empangan Mengkuang

## Pulau Pinang terima penyerahan Fasa 1 dan 2A

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PENANTI –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara rasminya mengambil alih semula pengendalian operasi dan penyelenggaraan Empangan Mengkuang yang diperbesarkan daripada Kerajaan Persekutuan.

Majlis penyerahan disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Air dan Pembetungan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Azizah Ariffin yang mewakili Menterinya, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man kepada Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari.

Zairil berkata, setakat ini Kerajaan Negeri menerima penyerahan bagi Fasa 1 dan Fasa 2A iaitu melibatkan pembinaan empangan dan penaiktarafan Rumah Pam Mak Sulong yang kini telah pun selesai sepenuhnya.

Menurut beliau, baki dua fasa lagi iaitu Fasa 2B dan 2C adalah amat penting serta kritikal bagi Kerajaan Negeri untuk membolehkan penyaluran lebih banyak air mentah dari Empangan Mengkuang ke Loji Rawatan Air Sungai Dua ketika musim kemarau.

"Kerajaan Negeri amat berbesar hati untuk menerima dan menggalas tanggungjawab baharu ini demi kesinambungan dan kelangsungan bekalan air khususnya kepada rakyat Pulau Pinang.

"Justeru, Kerajaan Negeri berharap baki komponen projek Empangan Mengkuang yang masing-masing di peringkat akhir pengambilan tanah serta dokumen tender di peringkat kajian semula dapat disiapkan secepat mungkin.

'Hal ini penting dalam memastikan jaminan keselamatan bekalan air Pulau Pinang secara menyeluruh," katanya semasa berucap pada majlis berkaitan di sini 26 Oktober lalu.

Hadir sama, Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar; Penasihat Undang-undang Negeri, Dato' Norazmi Mohd. Narawi serta Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud serta Pengarah Bahagian Bekalan Air KASA, Ir. Rahmat Abdul Rahman juga turut hadir.

Zairil memberitahu bahawa Empangan Mengkuang dengan saiz baharu telah meningkatkan kapasiti bekalan air daripada 22 juta meter padu kepada 73.5 juta meter padu.



**KETUA Menteri bersama-sama Sr. Rozali Mohamud (kiri sekali) dan Ir. Jaseni Maidinsa (kanan sekali) merakam gambar dengan berlatarbelakangkan Empangan Mengkuang pada lawatan khas bertarikh 25 Jun 2020.**

"Ini secara langsung akan meningkatkan kapasiti penyaluran bekalan air mentah dari Empangan Mengkuang ke Loji Rawatan Air Sungai Dua daripada 300 juta liter sehari kepada 600 juta liter sehari.

"Dengan ini, rizab sumber air di Empangan Mengkuang meningkat daripada 37 hari kepada 122 hari dengan kadar pelepasan air sebanyak 600 juta liter sehari.

Dalam pada itu, Jaseni mengklasifikasikan Empangan Mengkuang sebagai empangan strategik untuk meningkatkan margin simpanan bekalan air mentah bagi kegunaan pada musim kemarau.

"Dengan penyerahan empangan ini, kita ada takungan yang besar dan air dari sini boleh dibekalkan kepada Loji Rawatan Air Sungai Dua yang boleh membekalkan lebih daripada 80 peratus permintaan air di negeri ini.

*(Sambungan di muka 3).*



**RAKAMAN lensa Empangan Mengkuang.**

# Projek tebatan banjir Taman Iping jangka siap Januari

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU MAUNG –** Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan saliran Sungai Nipah dekat Taman Iping di sini yang menelan kos kira-kira RM15.27 juta bakal siap sepenuhnya pada pertengahan Januari 2021.

Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin memberitahu bahawa projek berkenaan apabila siap kelak bakal mengurangkan risiko banjir kilat di seluruh kawasan Batu Maung khususnya kawasan perumahan Taman Iping serta kawasan perindustrian di sini.

"Kedua-dua projek ini telah mencapai kemajuan 85 peratus yang mana ia merangkumi beberapa komponen iaitu pembinaan rumah pam di Taman Iping dan Taman Iping 2 serta menaik taraf sistem saliran sedia ada.

"Apabila kedua-dua rumah pam ini siap kelak, ia akan bertindak menyedut air yang mengalir dari bukit dengan cepat untuk dilepaskan ke laut dan sungai," katanya kepada Buletin Mutiara semasa mengadakan lawatan ke tapak projek berkenaan dekat Taman Iping pada 23 Oktober lalu.

Tze Tzin berkata, pembangunan projek berkaitan adalah lebih mesra alam kerana ia dibina tanpa menjejaskan keseluruhan pokok paya bakau yang ada di sekitar tapak pembinaan kedua-dua rumah pam tersebut.



SIM Tze Tzin (tiga dari kanan) mendapatkan taklimat khas daripada wakil-wakil berkaitan pada sesi lawatan projek RTB dan saliran Sungai Nipah dekat Taman Iping di sini baru-baru ini.

"Semasa proses perbincangan untuk memulakan projek ini, saya minta pihak Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Pulau Pinang untuk mengekalkan sebanyak mungkin pokok paya bakau yang ada di sini.

"Oleh itu, JPS hanya menebang kurang daripada 100 batang pokok paya bakau bagi pelaksanaan projek ini," ujarnya.

Difahamkan, projek berkaitan bakal melibatkan kerja-kerja menaik taraf saliran sedia ada sepanjang 600 meter (m), parit monsun (650m), *crossing* (65m) di sebuah lokasi, pembinaan dua rumah pam baharu, pembinaan kolam takungan serta pengalihan utiliti.

# Sidang Wanita Pulau Pinang hapus stereotaip gender

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow semasa berucap antara lain berharap bahawa sesi sulung Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 yang dianggap sebagai acara bersejarah di negeri ini dapat menghakis stereotaip lama kononnya wanita tidak berminat untuk mengambil bahagian dalam hal ehwal politik serta pentadbiran negara.

"Penyertaan anda (40 anggota persidangan) merupakan bukti yang kukuh dan nyata dalam menghapuskan stereotaip gender bahawa wanita tidak berminat dalam politik," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi di Dewan Sri Pinang pada 20 Oktober 2020.

Menurut beliau, 40 anggota persidangan yang dipilih berkenaan adalah yang terbaik daripada kalangan lebih 400 wanita yang menyatakan hasrat untuk menyertai persidangan sulung tersebut.

Justeru, Kon Yeow merakamkan penghargaan kepada Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani yang juga Pengerusi Jawatankuasa Petugas Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 serta Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng kerana berjaya melaksanakan saringan 40 anggota persidangan terbaik dalam sesi saingan yang sengit sebelum ini.

Turut menyaksikan persidangan tersebut, Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin; ADUN Sungai Bakap, Dr. Amar Pritpal Abdullah yang juga Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang; ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; ADUN Bagan Dalam, M. Satees; ADUN Jawi, H'ng Mooi Lye dan ADUN Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit.

Paling istimewa, sesi persidangan dewan dipengerusikan sendiri oleh Speaker DUN, Dato' Law Choo Kiang.



KETUA Menteri beramah-mesra dengan beberapa perwakilan sejurus sesi sulung Sidang Wanita Pulau Pinang 2020 ditangguhkan di sini baru-baru ini.

## Pinang Tunggal sebagai pusat ekopelancongan SPU

**PINANG TUNGGAL –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengadakan kunjungan khas ke Pusat Ekopelancongan Seberang Perai Utara (SPU) di sini untuk melihat sendiri potensi pelancongan yang ada di kawasan berkaitan.

Beliau yang tiba di Kampung Setoi, Pinang Tunggal kemudiannya diberi taklimat oleh pihak-pihak berkaitan mengenai perancangan pembangunan menyeluruh beberapa kawasan di SPU untuk diangkat sebagai produk pelancongan popular.

Selesai taklimat, Kon Yeow dibawa melawat tanaman jagung yang diusahakan penduduk setempat sebelum menyertai kayuhan santai dan menikmati kesegaran air kelapa muda di kebun sayur-sayuran milik salah seorang petani tempatan.

Turut serta, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin; Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Pegawai Penyelaras Khas Parlimen Kepala Batas, Lay Hock Peng; Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) serta ramai lagi.

Sementara itu, wakil pengusaha, Hoo Shyh Miin ketika memperincikan pelan pembangunan pelancongan SPU menekankan bahawa kawasan berkenaan sangat berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan ekopelancongan kerana kaya dengan pemandangan alam semula jadi dan tanah pertanian.

Justeru, menurut beliau, sebuah pusat ekopelancongan akan dibina sebagai pusat pengurusan yang bakal menawarkan pakej pelancongan lengkap untuk pengunjung ke kawasan berkaitan.

"Selain mengekalkan ciri-ciri kampung tradisional, pakej ini turut merangkumi lawatan ke beberapa lokasi menarik di sekitar Penaga seperti Kampung Agung yang terkenal dengan replika sarang burung bersaiz besar serta Pasar Bisik.

"Terima kasih diucapkan kepada petani di kawasan ini atas kerjasama yang ditunjukkan dan kami berharap agar rancangan ini dapat membantu menjana pendapatan penduduk tempatan selain dimanjakan sebagai kawasan ekopelancongan menarik," katanya semasa memberikan taklimat pada lawatan bertarikh 4 Oktober lalu.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Wujudkan skim, gred gaji standard guru KAFA

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SUNGAI DUA -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan mewujudkan skim perkhidmatan serta gred gaji standard untuk guru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA), sebagaimana dinikmati oleh tenaga pengajar yang melaksanakan program Jawi, Al-Quran, Arab dan Fardu Ain (j-QAF) di sekolah kerajaan.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa cadangan itu adalah demi memartabatkan lagi sistem pendidikan Islam di seluruh negara terutamanya Pulau Pinang.

"Saya berasa perkara ini (sistem gred dan gaji standard guru KAFA) perlu diberi perhatian kerana guru-guru KAFA juga memberi sumbangan yang besar untuk pembentukan modal insan melalui pendidikan agama (Islam), dan ini merupakan pengiktirafan kepada sumbangan mereka.



**KETUA Menteri bersama-sama dif-dif jemputan dan wakil-wakil penganjur meneliti buku-buku skrap 2020 sempena Pertandingan Buku Skrap Ibadahku sepanjang tempoh PKP lalu sejurus merasmikan Program Baktimu Dihatiku dekat Pusat Kegiatan Guru KAFA di sini baru-baru ini.**

"Setakat ini tidak ada skim perkhidmatan, kalau diwujudkan (skim perkhidmatan), saya rasa ia akan menyumbang kepada kebajikan guru-guru KAFA sendiri serta pendidikan Islam secara keseluruhannya.

"Kerajaan Negeri akan terus menyokong usaha ini demi kebaikan keseluruhan 207 kelas KAFA dengan hampir 46,516 pelajar serta kira-kira 1,587 penyelia dan guru KAFA," jelasnya sejurus merasmikan Program Baktimu Dihatiku dekat Pusat Kegiatan Guru KAFA, Padang Menora di sini pada 18 Oktober 2020.

Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong memberitahu bahawa pihaknya akan membincangkan cadangan tersebut dengan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Mohd. Zakuan Zakaria serta beberapa pihak berwajib lain sebelum mengutarakan ke peringkat Putrajaya.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow turut menggesa Putrajaya agar mempercepatkan pelaksanaan projek peningkatan capaian internet 5G di kawasan-kawasan luar bandar dekat negeri ini.

Sebelum itu, beliau ketika berucap merakamkan ucapan tahniah kerana Pulau Pinang muncul sebagai negeri terbaik selama tiga tahun berturut-turut daripada segi keputusan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK).

Di samping itu, Kon Yeow turut menyaksikan wakil *Malaysia Book of Records* (MBOR) menyampaikan sijil pengiktirafan kepada Persatuan Guru-Guru dan Penyelia KAFA atas kejayaan mengumpulkan lebih 1,200 buku skrap 2020 sempena Pertandingan Buku Skrap Ibadahku sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), April hingga Jun lepas.

Serentak itu, beliau turut menyampaikan sijil penghargaan kepada 30 guru KAFA yang bersara secara wajib bagi tahun 2019 dan 2020.

## Penduduk Seberang Perai berkongsi manfaat Perpustakaan Digital Butterworth

**BAGAN DALAM -** Perpustakaan Digital Butterworth (BDL) telah menarik kehadiran 14,000 pengunjung sejak dibuka kepada umum pada 15 Julai lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa perangkaan berkaitan menunjukkan bahawa BDL menerima sambutan yang baik daripada orang awam walaupun dibuka hanya beberapa bulan lalu.

"Ketiga-tiga perpustakaan digital di bahagian pulau juga menerima sambutan yang begitu menggalakkan dengan merekodkan setengah juta pelawat sejak ditubuhkan pada Oktober 2016 sehingga September 2020.

"Tiga perpustakaan digital tersebut ialah Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) Fasa 1, PDL Fasa 2 dan Perpustakaan Digital Batu Maung.

"Ekoran sambutan menggalakkan yang ditunjukkan ini, Kerajaan Negeri bersetuju untuk berkongsi manfaat dan keterujaan sama dengan penduduk di Seberang Perai melalui penubuhan BDL.

"Lebih membanggakan, konsep perpustakaan tanpa buku ini turut menjadi ikutan negeri jiran seperti Kedah," katanya semasa merasmikan pembukaan BDL di sini 17 Oktober lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan Exco Kerajaan Negeri; Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar serta Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng.

Dato' Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Ahli Majlis bagi MBSP; Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mohamud; Pengarah Urusan Think City Sdn. Bhd. (Think City), Hamdan Abdul Majeed serta Pengarah Eksekutif UN-Habitat, Dato' Seri Maimunah Sharif juga turut hadir.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa beberapa inisiatif kerjasama telah dilaksanakan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Negeri untuk menambah baik perkhidmatan dekat perpustakaan digital di negeri ini.

"Antaranya, kolaborasi bersama Perpustakaan Negara Malaysia untuk perkongsian koleksi digital sebanyak 13.2 juta unit.

"Selain itu, terdapat juga cadangan kolaborasi di antara *British Council* dan BDL untuk menggunakan sebahagian ruang bagi kelas Bahasa Inggeris," jelasnya.

Dalam pada itu, Guan Eng semasa berucap mengatakan bahawa pembinaan perpustakaan digital adalah bukti kejayaan projek usahasama awam swasta (PPP) di negeri ini.

"Ia juga merupakan bukti kejayaan transformasi kawasan bandar usang kepada satu kawasan yang boleh mencapai status antarabangsa," katanya.

Difahamkan, BDL yang menelan kos RM6.6 juta dibangunkan dengan kerjasama MBSP, Unit Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dan Think City.

Dengan keluasan keseluruhan kira-kira 20,000 kaki persegi, BDL turut dilengkapi dengan infrastruktur berteknologi tinggi dan sangat sesuai untuk semua lapisan masyarakat.

Malah, fasiliti di sini juga adalah mesra orang kurang upaya (OKU) dengan kemudahan khas serta lif.

BDL dibuka kepada orang awam dari jam 8 pagi hingga 10 malam setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat seperti penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka, pengambilan suhu badan, penggunaan pensanitasi tangan serta imbasan kod QR.




**BDL yang dirasmikan baru-baru ini.**

*(Sambungan dari muka 1).*

## Kurang risiko gangguan bekalan air

"Paling penting adalah bekalan air kepada kawasan perindustrian bebas dekat Bayan Lepas dan Bukit Minyak yang merupakan penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri Pulau Pinang," jelasnya.

Tambah Jaseni, Empangan Mengkuang juga menjadi penyelamat sekiranya berlaku pencemaran air di Sungai Muda yang merupakan sumber air utama negeri Pulau Pinang.

"Sekiranya keadaan ini berlaku, air akan dilepaskan dan Loji Sungai Dua akan rawat dan kita kekalkan pembekalan seperti biasa sehingga masalah tersebut selesai," ujarnya.

Menjawab soalan pemberita, Jaseni memberitahu bahawa kadar Air Tidak Terhasil (NRW) di Pulau Pinang setakat ini adalah kira-kira 22.7 peratus iaitu antara yang terendah di negara ini.

"Kita tidak boleh turunkan lagi kerana harga air (Pulau Pinang) terlalu murah, jadi sekiranya hendak belanja lebih banyak wang untuk turunkan NRW adalah tidak logik kerana kosnya adalah lebih tinggi berbanding tarif air sekarang," ulasnya.

Dalam pada itu, Azizah dalam ucapan sebelum itu menyatakan bahawa projek pembesaran Empangan Mengkuang adalah komitmen Kerajaan Persekutuan untuk memastikan jaminan bekalan sumber air mentah sentiasa mencukupi bagi memenuhi sektor domestik dan komersial di negeri ini.

"Secara keseluruhannya, projek ini dapat meningkatkan kadar rizab margin air terawat di Pulau Pinang ke paras yang lebih selesa.

"Keadaan ini adalah penting bagi mengurangkan risiko gangguan bekalan air kepada pengguna sekiranya operasi loji rawatan air terpaksa dihenti tugas akibat pencemaran sumber air atau ketidakcukupan sumber air akibat kemarau dan cuaca kering," ujarnya ketika membacakan teks ucapan Menteri berkaitan.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa pada tahun 2019, Pulau Pinang merekodkan kadar rizab margin air terawat sebanyak 32 peratus iaitu lebih tinggi pada paras maksimum 15 peratus yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

"Projek ini juga menyediakan sumber air alternatif kepada lebih 80 peratus penduduk Pulau Pinang yang sekarang ini bergantung kepada Sungai Muda.

"Malah, projek ini sudahpun membekalkan sumber air kepada PBAPP yang mana sehingga kini dimaklumkan sebanyak 6.9 juta meter padu air mentah telah dilepaskan bagi menampung keperluan air penduduk di negeri ini," katanya.

Difahamkan, projek pembesaran Empangan Mengkuang dimulakan sejak 1 Ogos 2011 dan siap pada 10 April 2017.

Ia merupakan projek pembesaran sedia ada dengan meninggikan sebanyak 11 meter di sebelah kanan empangan serta membina empangan baru dengan ketinggian 55 meter dan 2 kilometer panjang di sebelah kiri empangan sedia ada.

# Miliki kediaman sendiri nikmati kualiti hidup

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAYAN LEPAS -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berharap rumah mampu milik (RMM) yang siap dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dapat meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian sebelum menyempurnakan acara penyerahan kunci projek RMM Dua Residensi Teluk Kumbar di sini pada 10 Oktober lalu.

Menurut beliau, lebih 350 unit daripada keseluruhan 694 buah kediaman pelbagai kategori yang siap dibina oleh agensi negeri tersebut di sini telah berjaya dijual sungguhpun pasaran hartanah negeri masih mencabar dek pandemik COVID-19 ketika ini.

"Adalah menjadi harapan saya bahawa dengan terlaksananya projek-projek RMM yang telah dirancang dengan teliti ini, maka warga Pulau Pinang secara amnya akan dapat memiliki kediaman sendiri serta menikmati kualiti hidup yang lebih baik serta terjamin," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi pada majlis berkaitan.

Difahamkan, sejak tahun 2013, Kerajaan Negeri dan PDC giat memberi tumpuan terhadap pembekalan RMM di bawah harga siling yang mampu dibeli oleh rakyat kebanyakan.

Selain di Dua Residensi Teluk Kumbar, acara penyerahan kunci bagi 520 unit projek Suria 1 dekat Bandar Cassia Batu Kawan kepada para pembeli yang layak telah dibuat pada Mei 2008.

Sementara 707 unit lain bagi projek Jiran Residensi dekat Butterworth dijangka memperoleh sijil penyiapan dan pematuhan (CCC) pada awal bulan Januari 2021.



KETUA Menteri (tengah) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar sejurus menyempurnakan acara penyerahan kunci projek RMM Dua Residensi Teluk Kumbar di sini baru-baru ini.

Tambah Kon Yeow, ketika ini juga, PDC sedang menyiapkan 348 unit kediaman bagi projek Cecil Residensi dekat George Town dan Mak Mandin Residensi dekat Butterworth yang mana tahap pemajuan masing-masing adalah 21 peratus dan 3 peratus.

"Di bawah PDC, sebanyak 26,616 unit telah disediakan iaitu 3,307 unit siap dibina, 2,947 unit sedang dibina dan 15,230 unit dalam perancangan (untuk dibina)," ujarnya lagi yang juga Ahli Parlimen Tanjong merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Berucap pada majlis sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa jumlah RMM pelbagai kategori yang dimajukan oleh agensi negeri dan firma-firma pemaju bukan kerajaan lain sehingga kini adalah sebanyak 106,742 unit.

Daripada jumlah tersebut, kata beliau, 34,388 unit telah siap dibina, 20,180 sedang dibina dan 52,174 unit projek telah diluluskan untuk pelaksanaan.

Daripada angka itu juga, Jagdeep memberitahu bahawa 26,161 unit RMM Jenis A, Jenis B (26,995) dan Jenis C (54,131) dengan tawaran harga masing-masing adalah RM42,000, RM72,500 dan bawah RM300,000.

"Kerajaan Negeri juga bukan sahaja mengawal (siling) harga rumah, malah saiz rumah.

"Kita (Pulau Pinang) tidak mahu seperti negara lain yang mana mereka kata boleh membekalkan rumah mampu milik (RMM) tapi rumah yang dibekalkan dengan keluasan lantai (sesempit) 300 kaki persegi sahaja, umpamanya di Hong Kong seluas 500 kaki persegi, begitu juga di Singapura," ulasnya yang juga ADUN Datuk Keramat.

Exco Perdagangan & Industri dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain yang juga ADUN Batu Maung; ADUN Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz dan Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar turut sertai acara ringkas tersebut.

Salah seorang pembeli, **M. KRISHNAN**, 59, yang ditemui antara lain menyatakan bahawa pada hujung tahun ini beliau akan bersara wajib.

Bagi beliau, RMM yang dibina oleh PDC bukan sahaja menepati reka bentuk moden diimpikan, bahkan, turut dilengkapi pelbagai kelengkapan tambahan seumpama kondominum yang dibina oleh firma swasta.

"Saya berasa begitu bertuah kerana dipilih membeli unit kediaman di sini.

"Ini rumah pertama saya, menjadi tempat saya sekeluarga menikmati hidup yang lebih berkualiti," katanya sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Kon Yeow.

Nada sama turut diluahkan oleh seorang lagi penerima, **SALASIAH HITAM**, 56.

"Saya adalah ibu tunggal, masih bekerja di kilang B Braun, kami dipilih membeli rumah di sini kerana rumah asal kami telah dirobohkan kerana melibatkan tanah pihak bukan kerajaan.

"Dengan kelengkapan seperti parkir bertingkat, pelbagai fasiliti lain, moga-moga dapat memberi keselesaan kepada saya dan anak-anak yang masih kecil dan bersekolah," jelasnya.

## Taman Kejiranan Lebuh Sungai Pinang 7 kawasan rehat dan riadah bandar

**SUNGAI PINANG –** Penghuni yang menetap di pangsapuri berhampiran Lebuh Sungai Pinang 7 bakal menikmati persekitaran yang lebih segar apabila taman kejiranan seluas tiga ekar (1.21 hektar) siap kelak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa projek perintis oleh Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) adalah sebahagian daripada inisiatif hijau Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kawasan rehat dan riadah di kawasan bandar di negeri ini.

"Tujuan projek ini adalah untuk menukar kawasan lapang yang ada menjadi taman kejiranan dalam bandar yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk kegunaan komuniti setempat meskipun terdapat kekangan ruang dan tanah.

"Sehingga hari ini, sejumlah 69 taman kejiranan telah dibina di daerah Timur Laut ini," ujarnya pada Majlis Pecah Tanah Projek Penghijauan Taman Kejiranan Lebuh Sungai Pinang 7 dekat sini 4 Oktober lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memaklumkan bahawa kos pembinaan taman kejiranan berkaitan telah dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) November tahun lalu.

"Saya berharap projek ini dapat disempurnakan menjelang Julai 2021, termasuk penyediaan 100 unit tempat letak kereta.

"(Dan) salah satu daripada sembilan komponen projek ini adalah untuk menanam pokok-pokok asal Pulau Pinang seperti Jelutong, Ara, Pegaga Laut dan Malayana selain mempunyai kawasan pavilion, taman botani, astaka dan taman permainan," jelasnya.

Terdahulu, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee memberitahu bahawa delegasi PSDKLPP yang diketuai oleh Pengarah Eksekutifnya, Mohamed Akbar Mustapha telah ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi mendapatkan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan taman kejiranan tersebut.

"Semasa lawatan tersebut, mereka telah berjaya mendapatkan anak pokok yang asalnya dari negeri ini dan akan ditanam di taman kejiranan ini kelak.

"Saya percaya taman kejiranan ini bukan sahaja bakal menjadi tarikan terbaharu untuk aktiviti sukan serta rekreasi tetapi juga sebagai taman 'ilmu' bagi pengunjung mengenali pokok-pokok asal di negeri ini," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim yang turut hadir pada majlis tersebut teruja dengan projek yang bakal memberi manfaat kepada penduduk setempat.



KERJA-kerja pembangunan Taman Kejiranan Lebuh Sungai Pinang 7 giat dijalankan dan dijangka siap pada Julai tahun hadapan.

"Tema bagi taman kejiranan ini adalah 'Kampung Kita, Kebanggaan Kita' dan ia bertepatan dengan Visi Penang2030 yang memberi fokus terhadap keluarga dan inisiatif hijau," ulasnya ketika ditemui di sini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer; ADUN Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; Pegawai Daerah bagi Daerah Timur Laut, Rosli Halim; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng; Timbalan Pengurus Unit Perbadanan Ketua Menteri, S. Bharathi; arkitek landskap PSDKLPP, Zilin Tan serta wakil-wakil jabatan daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Difahamkan, kos pembinaan taman kejiranan ini adalah RM1.6 juta.

# Tebatan banjir Sungai Kluang manfaat penduduk serta industri sekitar

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BATU MAUNG –** Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kluang dijangka siap seperti dijadualkan oleh kontraktor dilantik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang.

Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin berkata bahawa projek bernilai RM20.2 juta yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri tersebut dimulakan pada 5 Oktober 2018 dan dijadualkan siap 1 Jun 2021.

"Jika dilihat kepada kemajuan projek dan kerja-kerja di tapak yang telah mencapai kadar 71 peratus (pada 30 September 2020), saya percaya menjelang musim monsun tahun hadapan yang akan mula pada bulan Mei sehingga Julai, banjir di kawasan Bayan Baru akan dapat diatasi," ujarnya pada sidang media sebelum mengadakan lawatan ke rumah pam Sungai Kluang yang kini dalam pembinaan di sini pada 23 Oktober lalu.

Hadir sama, Timbalan Pengarah (Sungai dan Pantai) JPS Pulau Pinang, Ooi Soon Lee dan Jurutera JPS Pulau Pinang bagi Daerah Barat Daya, Mohamed Rizal Salim.

RTB Sungai Kluang kendalian JPS Pulau Pinang tersebut merangkumi pembinaan rumah pam dengan kapasiti 12m3/5, *collector drain* bersaiz 4.0×2.5m sepanjang 150m (meter), *twin 1.5m pipe jacking* di Jalan Tun Dr. Awang dan menaik taraf saliran dalaman sedia ada.

Penaiktarafan projek berkenaan bukan sahaja bakal memanfaatkan penduduk sekitar di kawasan Bayan Baru khususnya, malah juga kepada sektor perindustrian yang berpusat di kawasan tersebut.

Mengulas lanjut, Tze Tzin menyatakan bahawa projek tersebut merupakan antara rancangan tebatan banjir paling besar yang dibiayai Kerajaan Negeri.

"Kawasan Bayan Baru merupakan kawasan KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) yang berproduktiviti tinggi serta hab sektor perkilangan, maka penting untuk kita yakinkan pelabur.

"Justeru, menangani banjir ini adalah isu utama, bila pelabur percaya serta yakin, barulah pelaburan bertambah sekaligus dapat menyediakan peluang pekerjaan lebih banyak kepada rakyat," ulasnya.



SIM Tze Tzin (dua dari kiri) bersama-sama barisan wakil berkaitan ketika mengadakan lawatan ke rumah pam Sungai Kluang di sini baru-baru ini.

## Percambahan industri kreatif turut pulihara identiti unik Pulau Pinang

**TELUK BAHANG -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus memberi fokus terhadap perkembangan industri kreatif di negeri ini sekaligus menjadikannya sebagai sebahagian penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi lestari.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin optimis bahawa melalui inisiatif yang tepat, tinggalan warisan serta budaya zaman-berzaman sedia ada dapat memberi pulangan kepada negeri dalam jangka masa panjang.

"Pelancongan merupakan salah satu cara terbaik untuk membantu mempromosikan hasil seni kreatif yang terdapat di sini (negeri ini), dan kita (Kerajaan Negeri) akan memfokuskan terhadap percambahan industri kreatif ini serta mempertahankan identiti unik Pulau Pinang," ujarnya sejurus mengadakan lawatan ke bengkel pembuatan *Batek-Lah Collection* di Pusat Inkubator Kraf Balik Pulau dekat Sungai Rusa pada 23 Oktober lalu.

Turut sama, Ketua Pegawai Eksekutif Biro Konvensyen dan Pameran Pulau Pinang (PCEB), G. Ashwin dan pemilik *Batek-Lah Collection*, James Lim.

Mengulas lanjut, Soon Hin berharap pihaknya dapat menonjolkan kepentingan industri kreatif terutama dalam kalangan kumpulan bakat muda di Pulau Pinang untuk terus mempertahankan warisan serta budaya.

"Sangat penting untuk kita (Kerajaan Negeri) memberi pendedahan kepada generasi muda kini termasuk para pelancong dari luar negeri tentang seni pembuatan batik yang semakin dilupakan, misalnya.

"Pelbagai jenis bengkel serta lawatan diatur bagi memberi peluang kepada pengunjung untuk merasai sendiri pengalaman seni pembuatan batik ini," jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Soon Hin yakin bahawa sektor pelancongan di negeri ini akan menyaksikan pemulihan yang berterusan selepas berakhirnya pandemik COVID-19.

"Walau bagaimanapun, keyakinan tersebut adalah bersandarkan terhadap penemuan vaksin serta jaminan keselamatan kepada pelancong meskipun terdapat sekatan pergerakan, namun masih ramai yang berharap dapat melancong apabila pandemik berakhir," katanya.



YEOH Soon Hin (barisan depan, kiri sekali) diberi peluang mewarnakan salah satu hasil batik blok bersempena lawatan beliau ke bengkel pembuatan *Batek-Lah Collection* dekat Pusat Inkubator Kraf Balik Pulau di sini baru-baru ini.

## ZPP agih elaun tambahan guru KAFA




IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kiri) diiringi dif-dif jemputan dan wakil penganjur menyampaikan replika cek kepada pihak berkaitan pada Majlis Hi-Tea Guru KAFA Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA -** Zakat Pulau Pinang (ZPP) mengumumkan agihan RM3.015 juta elaun tambahan kepada guru-guru yang terlibat dalam program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di negeri ini.

Ketika mengumumkan perkara itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sememangnya amat mengambil berat dan prihatin terhadap institusi pendidikan agama khususnya sekolah agama rakyat.

"Peruntukan (RM3.015 juta) yang disediakan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) adalah melalui dana bantuan agihan *fi sabilillah*," jelasnya yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam Majlis Hi-Tea Guru KAFA Pulau Pinang di sini pada 22 Oktober 2020.

Selain itu, Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti memberitahu bahawa Belanjawan 2021 Pulau Pinang yang baru diluluskan baru-baru ini antara lain turut meningkatkan jumlah peruntukan kepada RM64.16 juta bagi tujuan pembangunan, baik pulih, penyelenggaraan serta kelengkapan institusi keagamaan di negeri ini.

Sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali berharap kesemua lebih 1,500 orang guru serta penyelia KAFA dapat mempromosi amalan menunaikan zakat gaji dalam kalangan ummah terutama waris kepada hampir 47,000 murid KAFA.

# Subsidi petani setiap daerah perlu diselaraskan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PULAU BETONG –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berharap agar subsidi yang diterima oleh golongan petani di kawasan Balik Pulau dapat diselaraskan sebagaimana daerah Seberang Perai Utara (SPU).

Menurut beliau, difahamkan kini bahawa subsidi melibatkan pertanian seperti baja, racun dan lain-lain yang diterima golongan petani di Balik Pulau adalah lebih rendah berbanding SPU.

"Saya akan mengatur pertemuan dengan Dr. Norlela Ariffin selaku Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan untuk menyelaraskan perkara ini.

"Mungkin perkara ini boleh diangkat ke peringkat kementerian untuk membolehkan petani di sini (Balik Pulau) menerima subsidi yang sama sekaligus dapat meningkatkan pengeluaran tanaman terutamanya padi yang turut menjadi sumber pendapatan penting kepada petani di Balik Pulau," ujarnya pada penganjuran Bengkel Peningkatan Hasil Tani di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pegawai Pertanian Daerah Barat Daya, Ahmad Razali Ahmad; Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Balik Pulau, Prof. Dr. Idris Salleh dan Ketua Eksekutif MATA Aerotech Sdn. Bhd., Wan Azrain Adnan.

Pada bengkel tersebut, MATA Aerotech Sdn. Bhd. turut melakukan demonstrasi meracun tanaman menggunakan dron yang dikatakan lebih menjimatkan kos serta masa.

Penggunaan dron hanya memerlukan sekitar 15 minit berbanding satu jam setengah jika menggunakan teknik penyemburan biasa untuk sehektar tanah. Daripada segi penggunaan air pula, dron hanya memerlukan 16 liter air berbanding penyembur biasa 200 liter.



**MOHD. Tuah Ismail cuba mengendalikan dron sebagai teknologi terkini bidang pertanian sejurus perasmian penganjuran Bengkel Peningkatan Hasil Tani di sini baru-baru ini.**

## Pulau Pinang sebagai hab ekonomi kreatif serantau

**GEORGE TOWN –** 'Seni', 'Budaya' dan 'Warisan' bukannya hiburan santai semata-mata, namun tiga cabang berkenaan sebenarnya mampu menjadi pemangkin ekonomi setempat.

Perkara tersebut dinyatakan Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin ketika berucap pada Majlis Pelancaran Logo PETACE (Pelancongan dan Ekonomi Kreatif) yang dijenamakan semula ekoran penstrukturan portfolio barisan Exco baru-baru ini.




**YEOH Soon Hin (barisan hadapan, tengah) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan dif jemputan sambil menunjukkan rekaan logo baharu PETACE pada majlis pengumumannya di sini baru-baru ini.**

"Sebelum ini, portfolio saya dikenali sebagai PETACH iaitu singkatan kepada Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan. Namun, selepas penstrukturan semula portfolio Exco, aspek Seni, Budaya dan Warisan diletakkan di bawah satu bumbung iaitu Ekonomi Kreatif yang mana ia adalah lebih relevan.

"Saya percaya 'Seni', 'Budaya' serta 'Warisan' kini bukan sahaja minat dan hiburan tetapi mampu menjadi penjana ekonomi baharu bagi Pulau Pinang dan seterusnya menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di negeri ini.

"Serentak itu, ia juga mampu mencipta peluang pekerjaan, menarik pelabur, memupuk bakat-bakat baharu dan seterusnya memperkasakan ekonomi tempatan," ujarnya pada majlis yang berlangsung baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Soon Hin turut meminta pihak-pihak berkepentingan untuk bersama-sama menyokong usaha PETACE dalam menaikkan ekonomi kreatif ke satu tahap yang lebih baik.

"Pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), *International Council on Monument and Sites* (ICOMOS) dan *Heritage Alliance of United Kingdom* turut mengiktiraf bidang ekonomi kreatif.

"Malah, ekonomi kreatif juga dilihat sebagai salah satu cara memelihara budaya serta warisan di samping memberi nilai tambah kepada sesebuah lokasi yang mana kota London serta Paris merupakan satu contoh terbaik.

"Oleh itu, marilah kita bersama-sama berusaha memastikan Pulau Pinang mampu muncul sebagai hab ekonomi kreatif terbaik di rantau ini," katanya yang juga sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

## Pemenang tiga peraduan Buletin Mutiara dimuktamad

**MUKTAMAD...** barisan pemenang bagi tiga peraduan yang dianjurkan oleh Sidang Redaksi Buletin Mutiara dimuktamadkan baru-baru ini.

Lebih 1,000 penyertaan diterima bagi setiap peraduan iaitu Fotografi Hias Rumah Sambut Merdeka & Hari Malaysia'; 'Pertandingan Melukis Poster Bertemakan: Penang Kekal Hijau, Penang Lawan COVID-19!' dan 'Bakat Si Cilik - Mewarna 2'.

Peraduan kali ini menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM2,300 termasuk pelbagai baucar menarik dan para pemenang telah dihubungi pihak penganjur bagi penebusan hadiah masing-masing.



**SEBAHAGIAN hasil karya yang diterima.**

Bagi peserta yang kurang bernasib baik, jangan putus asa, cuba lagi dalam peraduan-peraduan yang dianjurkan oleh Buletin Mutiara pada masa hadapan.

Jangan lupa dapatkan maklumat terkini peraduan di laman *Facebook* Buletin Mutiara atau melalui penerbitan akhbar dwi bulanan di premis pentadbiran Kerajaan Negeri atau di Pusat-Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) masing-masing.



**PARA juri tekun menilai dan meneliti penyertaan-penyertaan yang diterima membabitkan beberapa peraduan penganjuran Sidang Redaksi Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.**

# Promosi meluas hasil kraftangan suri rumah

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Hasil kraf tangan suri rumah daripada kelompok B40 bakal dipromosi dan dipasarkan dengan lebih meluas hingga ke peringkat antarabangsa pada masa hadapan.

Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng berkata bahawa peluang tersebut bukan sahaja membolehkan golongan berkenaan menambah pendapatan malah juga menjadikan hasil kraf tangan mereka sebagai komoditi gaya hidup.

"Kerajaan Negeri bekerjasama dengan syarikat *Aimpactz Social Enterprise* melalui jenama *Aisuka.Life* bagi memberi ruang kepada suri rumah menjana pendapatan hasil kreativiti mereka.

"Kerjasama ini adalah sejajar dengan visi Penang2030 yang memberi penekanan terhadap pembangunan keluarga dalam negeri yang hijau dan pintar.

"(Dan) salah satu agenda adalah meningkatkan pendapatan isi rumah apatah lagi produk hasil tangan seperti ini sememangnya ada harga tersendiri dan lebih disukai orang ramai," ujarnya pada Majlis Pelancaran Aisuka.Life di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Ekskutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng dan pemilik syarikat *Aimpactz Social Enterprise*, Dr. Choong Jian Ming yang bertindak sebagai platform dalam mengetengahkan produk tersebut melalui kelas yang diadakan serta promosi.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang itu berhasrat untuk melihat 40 peratus usahawan adalah daripada golongan wanita menjelang tahun 2030.

"Kini, cuma 16 peratus wanita menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

"Jadi, apabila saya tahu mengenai *Aisuka. Life* yang membawa jenama komuniti setempat dan didorong oleh kelestarian serta ekonomi pusingan, saya gembira untuk menyokong inisiatif ini," ulasnya.




**BEBERAPA wakil terlibat menunjukkan produk-produk menarik yang dihasilkan bersempena Majlis Pelancaran Aisuka.Life baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Jian Ming memaklumkan bahawa pihaknya ketika ini mempunyai sembilan suri rumah yang aktif menghasilkan kraf tangan di bawah inisiatif tersebut.

"Kami menyediakan kelas untuk mengajar mereka menghasilkan pelbagai jenis beg tangan yang mampu menarik minat pembeli.

"Kami akan mempromosikan barangan tersebut untuk dijual di pasaran tempatan dan menyasarkan ke peringkat antarabangsa pada masa depan.

"Setakat ini, beg-beg ini boleh diperoleh sebagai cenderamata di dua pusat pelancongan iaitu di *The Habitat* Bukit Bendera dan *Tropical Spice Garden*," jelasnya yang mahu menjalinkan kerjasama dengan lebih banyak pihak pada masa hadapan.

## Pusat Borong Hajah Nor tawar produk Bumiputera dengan harga kompetitif

**SEBERANG JAYA -** Pusat Borong Hajah Nor dekat Taman Arowana, Parlimen Permatang Pauh yang baru dibuka boleh dijadikan tempat untuk usahawan mikro memasarkan produk keluaran masing-masing dengan harga jualan yang lebih kompetitif.

Exco Perdagangan & Industri dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata bahawa pihaknya berharap pusat borong Bumiputera pertama Pulau Pinang itu dapat menawarkan produk berkualiti dengan harga paling kompetitif kepada pengguna di negeri ini.

"Pusat borong ini juga memberi peluang kepada usahawan-usahawan mikro yang memerlukan tempat untuk memasarkan produk keluaran mereka, selain teknik pemasaran secara dalam talian.

"Para usahawan terutama Bumiputera memerlukan rangkaian bekalan yang luas, maka Pusat Borong Hajah Nor ini akan membantu meluaskan rangkaian pemasaran produk Bumiputera.

"Kita memang menggalakkan orang ramai memberi keutamaan dengan menyokong barangan Malaysia khasnya buatan Pulau Pinang," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung ketika menyempurnakan acara perasmian pembukaan pusat borong Bumiputera sulung negeri di sini baru-baru ini.

Turut serta, ADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; Pengarah Pertanian Negeri, Muhaimin Ibrahim; Timbalan Pengurus Besar Pembangunan bagi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Mohd. Asri Baharum @ Harun; wakil kepada Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar dan Pengurus Besar Pusat Borong Hajah Nor, Alia Husna Abdul Hamid.

Di samping itu, Abdul Halim turut memuji insiatif bahagian pemasaran Pusat Borong Hajah Nor yang berhasrat untuk saling bekerjasama dengan lebih ramai ejen penghantaran dengan mengambil kira tabiat pelanggan yang gemar membeli-belah secara dalam talian.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut menzahirkan rasa gembira mengenai perkembangan semasa sektor peruncitan serta pemborongan yang menyaksikan peningkatan kuasa membeli berbanding ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lepas.

"(Nilai jualan perdagangan borong dan runcit) pada bulan Jun 2020 untuk seluruh Malaysia adalah -8.9 peratus, tetapi pada bulan Julai adalah -3.5 peratus.

"Jadi, kita (Kerajaan Negeri) harap bagi bulan Ogos dan September ini, angka itu terus menunjukkan positif," ulasnya memetik sumber Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Sebelum pada itu, Pengasas Pasar Borong Hajah Nor, Datin Hajah Nor Haliza Hussain berkata bahawa pihaknya yakin produk buatan tempatan terutama yang dihasilkan oleh Bumiputera mempunyai permintaan kompetitif di negeri ini.

"Syarikat DIY melalui MR Dollar telah berhubung dengan Haliza Industries Sdn. Bhd. untuk mengambil produk kami memasuki 50 cawangan mereka.

"Jadi, kita harap Pusat Borong Hajar Nor juga dapat berkembang seperti itu (MR. Dollar) yang mana ramai usahawan boleh bersama-sama berniaga.

"Ketika ekonomi kian mencabar sekarang mengakibatkan harga barang semakin naik, jadi kita di Pusat Borong Hajah Nor cuba nak stabilkan harga barangan dalam pasaran supaya mempunyai nilai kompetitif berbanding Ringgit Malaysia," katanya.

## Belia dan warga agensi kerajaan disaran sertai Askar Wataniah

**GEORGE TOWN -** Golongan belia dan warga kerja agensi kerajaan khasnya disaran supaya menyertai Askar Wataniah dalam usaha membina rejimen ketenteraan yang aktif dan sepakat, titah Y.T.M. Tunku Temenggong Kedah Brigadier Jeneral Dato' Sri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Tunku Temenggong Kedah yang juga Komander Rejimen 509 Askar Wataniah (AW) Pulau Pinang bertitah demikian pada Upacara Penutup Latihan Kem Tahunan Rejimen 509 AW yang diadakan di pangkalan Rejimen 509 AW dekat Lebuhraya Peel di sini.

Menurut titah, Tunku Temenggong Kedah menyeru bukan sahaja rakyat Malaysia tetapi juga anak watan Pulau Pinang khasnya untuk bersama-sama menjadikan Askar Wataniah sebagai platform terulung berkhidmat untuk negara.

"Saya percaya dengan hala tuju yang jelas dan latihan yang telah dirangka, Rejimen 509 mampu melahirkan anggota angkatan tentera yang terbaik.

"Saya juga percaya dengan komitmen individu serta minat dan usaha untuk menyahut cabaran mendalami ilmu ketenteraan bukan sahaja berguna kepada diri sendiri tetapi juga keluarga dan masyarakat keseluruhannya," titah Tunku Temenggong Kedah pada majlis bertarikh 23 Oktober 2020 tersebut.

Meskipun negara kini dalam keadaan berjaga-jaga susulan penularan semula COVID-19, Tunku Temenggong Kedah menyeru agar semua rakyat memainkan peranan masing-masing dengan membantu kerajaan mempraktikkan normal baharu.

"Keadaan (normal baharu) ini termasuk dalam latihan ketenteraan seperti yang dilaksanakan oleh Rejimen 509 yang mana saya bangga apabila kem latihan tahun ini mendapat penyertaan 40 pegawai dan 120 anggota sukarelawan.

"Saya yakin latihan ini adalah untuk anggota angkatan sukarela sentiasa bersiap siaga, kompeten dan berupaya diaturgerakkan sepanjang tahun apabila diperlukan.

"Malah, melalui latihan ini, peningkatan kemahiran individu serta semangat berpasukan dapat diadaptasikan dengan situasi terkini yang menuntut penjagaan kesihatan meskipun menjalani latihan ketenteraan," titah baginda lagi.

Terdahulu, keberangkatan tiba Tunku Temenggong Kedah disambut dengan pertunjukan khas oleh Kumpulan Naga Merah.

Timbalan Komander Rejimen 509 AW Pulau Pinang, Leftenan Kolonel Hizral Kamal Othman Kamal dan Setiausaha Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah (JAKPAW) Negeri Pulau Pinang, Leftenan Kolonel Kehormat, Datuk Yaacob Md. Saad antara yang mengiringi Tunku Temenggong Kedah sepanjang upacara penutup tersebut.

Tunku Temenggong Kedah turut mencemar duli pada acara pemakaian pangkat kepada Kapten Mohd. Syamir Nasrudin dan Leftenan Muda Rijal Safwan Ridzuan serta berkenan menyampaikan penghargaan kepada pemenang latihan kem yang diadakan.

Batalion 1 telah dinobatkan sebagai Batalion Terbaik dan berjaya merangkul Piala Pusingan Rejimen pada upacara penutup tersebut.

Turut menerima penghargaan adalah 100 anggota angkatan sukarela yang diaturgerakkan bagi membantu PDRM dalam Operasi Penawar di sekitar Pulau Pinang pada April 2020 dalam usaha membendung penularan COVID-19.

Di akhir upacara penutup, Tunku Temenggong Kedah berkenan melawat ke ruangan galeri dan merakam gambar kenangan bersama-sama anggota tertinggi Rejimen 509 AW, JAKPAW serta penerima pengiktirafan sumbangan berterusan kepada Angkatan Sukarela dan Rejimen AW, Profesor Tan Sri Dato' Paduka Dr. Fhn Ah Seng.

# Nilai warisan serta identiti asal bangunan DUN Pulau Pinang kekal



BANGUNAN DUN Pulau Pinang.

**KALAU** tidak kerana negara termasuk negeri Pulau Pinang masih dibelenggu pandemik COVID-19, persidangan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Ke-14 baru-baru ini mungkin kembali berpindah ke bangunan asal dekat Lebuh Light.

Ini kerana, ketika berlangsungnya persidangan berkaitan di Dewan Sri Pinang, kerja-kerja pemuliharan semula struktur bangunan asal Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) telah siap sepenuhnya.

Menurut Speaker DUN Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang, ruang bangunan asal yang begitu terhad mendorong beliau untuk mengekalkan cadangan persidangan diteruskan di Dewan Sri Pinang.

"Walaupun kerja-kerja pemuliharan struktur bangunan ketika ini selesai lebih awal sebelum jadual persidangan dewan, ruang dewan yang terhad tidak dapat menampung semua 40 ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) dalam jarak fizikal mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang digariskan," jelasnya dalam satu wawancara eksklusif bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ALISSALA THIAN** ketika melawat pelaksanaan kerja-kerja akhir projek pemuliharaan bangunan DUN Pulau Pinang di sini pada 2 Oktober lalu.


LAW Choo Kiang.

Menurut Choo Kiang, walaupun persidangan dewan dikekalkan di bangunan Dewan Sri Pinang, jumlah hadirin termasuk pengamal media tetap dihadkan demi memastikan semua rantaian perebakan COVID-19 dapat dihapuskan.

"Jangan kerana tempat persidangan lebih luas kerana tidak dilangsungkan di bangunan asal DUN Pulau Pinang, kita sambil lewa sampai wujud kluster baharu pula," selorohnya sambil mengharapkan COVID-19 akan berakhir sebelum persidangan DUN pada tahun 2021.

Di samping itu, Choo Kiang memberitahu bahawa terdapat beberapa elemen baharu pada bangunan lama DUN Pulau Pinang.

Namun, beliau menjelaskan bahawa struktur fizikal termasuk gantian atap yang dinaik taraf masih mengekalkan nilai warisan serta identiti asal.

"Hanya ada kerja-kerja renovasi kecil sahaja, kerana bangunan warisan ini adalah dalam 'Kategori A' bagi bangunan warisan dan telah berusia lebih 200 tahun.

"Jadi, bukan sebarang kontraktor boleh melakukan kerja-kerja pemeliharaan semula pada struktur bangunan ini, melainkan mereka yang ada tauliah untuk kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan dalam 'Kategori A' juga," jelasnya.

Tambah Choo Kiang, antara cabaran utama adalah kerja-kerja penggantian rangka struktur atap yang dikenal pasti dimakan anai-anai yang mana pihak kontraktor mesti mencari jenis kayu asal sama serta mendapatkan kelulusan jabatan-jabatan teknikal berwajib terlebih dahulu.

*(Sambungan di muka 9).*


Dewan persidangan utama yang menerima beberapa suntikan pembaharuan.

# Jambatan baharu Jalan Kampung Nelayan atasi banjir, lebih selamat

**PENGGANTIAN** sebuah jambatan baharu yang merentangi Sungai Teluk Bahang dekat Kampung Nelayan di sini rata-ratanya disambut baik umum.

Projek yang menelan belanja RM1.15 juta dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri tersebut telah siap 31 hari lebih awal daripada yang dijadualkan dan majlis penyerahan projek telah berlangsung pada 1 September lalu.

Bagi **SITI ROPIAH BAWA**, 43, beliau menyifatkan bahawa pembinaan jambatan baharu tersebut melegakan pihaknya kerana ia telah mengurangkan risiko banjir di kawasan tersebut yang secara tidak langsung turut menjejaskan operasi Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti Teluk Bahang (PPDK Teluk Bahang) yang diselia beliau.

"Disebabkan lokasi PPDK Teluk Bahang ini terletak sangat dekat iaitu kurang 150 meter daripada jambatan, apabila banjir, memang kami terpaksa menutup operasi PPDK ini.


SITI Ropiah Bawa.

"Air banjir yang masuk hingga ke paras buku lali, tidak cukup dengan itu, air turut membawa sampah sarap, kayu dan anak-anak ikan daripada laut berhampiran.

"Banjir bukan saja berlaku apabila hujan lebat atau berterusan, tetapi jika air laut pasang besar pun boleh berlaku banjir sebab air laut bertembung dengan Sungai Teluk Bahang," ujarnya yang merupakan Penyelia PPDK Teluk Bahang kepada Buletin Mutiara ketika ditemu bual pada 30 September lalu.

Menurut Siti Ropiah, PPDK Teluk Bahang merupakan pusat pemulihan bagi orang kurang upaya (OKU) yang dikawal selia oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Terdapat kira-kira 45 OKU yang datang ke sini setiap hari, tapi dulu bila berlaku banjir memang mereka tidak dapat hadir, ini sedikit-sebanyak menjejaskan operasi pusat ini.

"Jambatan lama dulu agak rendah dan bawahnya sempit menyebabkan sampah terperangkap, mujurlah jambatan yang dibina ini lebih tinggi dan ruang bawahnya lebih besar," ulasnya lanjut.

Manakala, bagi **K. SURESH**, 45, kakitangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) yang acap kali melalui kawasan itu memaklumkan bahawa pembinaan jambatan baharu tersebut membuatkan beliau berasa lebih selamat dengan beberapa ciri penambahbaikan.


K. Suresh.

"Saya sering kali menggunakan jambatan ini memandangkan bertugas di sekitar kawasan Teluk Bahang untuk mengambil bacaan meter air.

"Jambatan sekarang lebih luas, malah telah ditambah baik dengan laluan pejalan kaki, ini secara tidak langsung memberikan keselesaan kepada para pengguna memandangkan ia adalah jalan utama yang menghubungkan perumahan di sini dengan jalan besar," katanya.

Difahamkan, Kerajaan Negeri kini giat merangka projek Fasa 2 bagi mitigasi banjir di kawasan berkenaan melalui projek jambatan baharu menggantikan pembetung kotak di Jalan Hassan Abas.

Projek dalam fasa reka bentuk tersebut akan bermula pada suku pertama tahun 2021 yang mana dana sebanyak RM3.78 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

# Paramasiwam, operator kitar semula botol kaca


PROSES pengasingan botol-botol kaca yang dikumpul.

**CELAH-CELAH** lorong bangunan dekat Lebuh Victoria di tengah Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, terdapat sebuah lot kedai yang menjalankan perniagaan kitar semula botol kaca terpakai.

Operasi kitar semula botol terpakai di kedai itu telah wujud sejak tahun 1926.

Cuma, menurut **K. PARAMASIWAM**, beliau mengambil alih operasi di lot kedai itu pada tahun 2013 dan sehingga kini masih menguruskan perniagaan sama.

"Dahulu, aktiviti kitar semula botol di sini adalah bergantung kepada aktiviti mengumpul botol kaca oleh komuniti setempat juga, tetapi zaman telah berubah dan aktiviti mengumpul botol oleh komuniti setempat hampir tidak ada lagi.

"Kebanyakan botol kaca yang dikitar semula di kilang ini adalah diimport dari negara jiran...kira-kira 90 peratus diimport dari Thailand.

"Kedai ini lebih banyak import botol terpakai dari luar negara, mungkin juga kerana orang tempatan tidak tahu mengenai kewujudan kedai ini, ataupun mungkin kerana tidak ada lagi orang tempatan terlibat dalam kerja-kerja mengumpul botol terpakai untuk dikitar semula di kedai ini," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** dekat lot kedainya di sini baru-baru ini.s

Berguni-guni botol kaca import yang sedang menunggu untuk proses kitar semula di kilang ini.

Kelihatan di beberapa sudut, botol-botol kaca yang telah dikitar semula tersusun rapi untuk proses selanjutnya, sekaligus memperlihatkan operasi perniagaan Paramasivam adalah sangat kemas serta teratur.

Sebelum terjun dalam perniagaan kitar semula botol kaca terpakai, Paramasivam memberitahu bahawa beliau pernah menjalankan pelbagai kerja.

"Selepas menamatkan persekolahan sekitar tahun 1970-an dulu, saya pernah bekerja dalam industri berkaitan pengurusan sisa pepejal selama dua hingga tiga tahun, sebelum menjadi buruh kilang.

"Berbekalkan pengalaman itu, saya berhasrat untuk kembali dalam bidang sama iaitu berkaitan pengurusan sisa pepejal yang boleh dikitar semula.

"Lalu, selepas pencen pada usia 55 tahun, saya mengambil keputusan untuk mengambil alih lot kedai kitar semula botol terpakai di Lebuh Victoria daripada satu pihak,'' ujarnya.

Mengulas lanjut, Paramasivam pernah bekerja sebagai operator sehingga bergelar pengurus pengeluaran selepas kira-kira 34 tahun berkecimpung dalam sektor industri dan kilang.

"Selepas bersara, saya menceburi perniagaan ini untuk menjana hasil sendiri bagi memenuhi keperluan keluarga serta anak-anak yang masih belajar," ulasnya.

Di samping itu, kata Paramasivam, beliau sendiri memilih untuk menguruskan sepenuhnya lot kedai kitar semula botol terpakai walaupun sarat akan cabaran dalam bidang perniagaan tersebut.

"Saya secara sendirian menguruskan semua perkara di lot kedai ini.

"Dengan pendapatan yang saya peroleh setakat ini, memang saya tidak dapat untuk mengupah pekerja untuk dibayar gaji," jelasnya.

Mengulas lanjut, Paramasiwam menyatakan bahawa botol yang dikitar semula mempunyai pelbagai harga, ada serendah tiga sen hatta 15 sen seunit.

"Tiap-tiap botol akan diteliti satu persatu, andai sumbing ia akan diasingkan dengan botol-botol yang masih sempurna untuk tujuan dikitar semula.

"Saya sudah berusia 66 tahun, pada usia sebegini, saya meragui sama ada pihak yang boleh mewarisi perniagaan berkaitan kitar semula botol terpakai di lot kedai ini," ujarnya sambil tersenyum seolah tersirat seribu makna terpendam.

Yang berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut ataupun mahu menghantar botol kaca untuk dikitar semula, datang sahaja ke alamat bernombor 101-159, Lebuh Victoria, George Town, 10300 George Town, Pulau Pinang.

Kata Paramasivam, lot kedainya senantiasa dibuka pada setiap hari kecuali Ahad, dari jam 10 pagi hingga 6 petang.

**K. Paramasiwam menunjukkan botol-botol kaca yang dikumpulnya.**



*(Sambungan dari muka 8).*

# Kontraktor tauliah laksana kerja pemuliharaan

Difahamkan, kerja-kerja pemuliharaan semula bangunan warisan DUN Pulau Pinang tersebut melibatkan kira-kira RM4.5 juta sungguhpun anggaran asal adalah RM3.6 juta sahaja.

"Kerja-kerja pemuliharaan dan renovasi sejak November 2018 dijadual siap pada Mac tahun ini (2020), tetapi JKR minta masa tambahan disebabkan COVID-19.

"Pemuliharan semula melibatkan struktur bumbung yang telah rosak, sangat berbahaya andai runtuh menimpa hadirin di sini...sesuatu yang mujur tidak berlaku sebelum ini," ulasnya.

Choo Kiang memberitahu bahawa susunan tempat duduk di dewan persidangan utama masih sama (seperti keadaan sebelum ini), sungguhpun ada 'wajah baharu' pada bangunan warisan yang tidak lama lagi akan dibuka semula kepada khalayak.

"Secara umumnya, ada beberapa elemen baharu seperti pemasangan layar televisyen, panel serta beberapa pengubahsuaian wajah pada rangka dalaman dewan persidangan, pemasangan permaidani (baharu) serta penambahbaikan pada sistem pencahayaan (lampu limpah)," ujarnya.


**KORIDOR utama yang ditambah baik dengan sistem pencahayaan.**

Dibina pada tahun 1820-an, bangunan dengan reka bentuk klasik Anglo-India itu dikatakan menerima pengaruh seni bina Yunani dan Palladian (Eropah pada era klasik).

Menyorot sejarah, bangunan asal tersebut dibina oleh buruh banduan dari India dengan sebahagian struktur dijadikan Balai Polis George Town dan mahkamah.

Fungsi bangunan ini adalah sebagai mahkamah kekal sehingga 1959 sebelum ditukar guna sebagai tempat persidangan DUN Pulau Pinang hingga kini.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA** YAB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL** YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI** YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU** YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI** YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG** YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT** YB Jagdeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG** YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL** YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA** YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG** YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR** YB Teh Lai Heng komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR** YB Mustafa Kamal mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM** YB Satees A/L Muniandy n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| **N.11 PERMATANG PASIR** YB Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.13 BERAPIT** YB Heng Lee Lee berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509 (F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK** YB Lee Khai Loon kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH** YB Gooi Hsiao-Leung gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN** YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818 (F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI** YB H'ng Mooi Lye jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP** YB Dr. Amar Pritpal Abdullah ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH** YB Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA** YB Jason Ong Khan Lee kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS** YB Lee Chun Kit pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298 (F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA** YB Gooi Zi Sen pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG** YB Lim Siew Khim limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG** YB Ong Ah Teong batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA** YB Syerleena Abdul Rashid 32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611 |
| **N.33 AIR ITAM** YB Joseph Ng Soon Siang airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN** YB Kumaresan A/L Aramugam kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062 (F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK** YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail | (T) |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.38 BAYAN LEPAS** YB Azrul Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG** YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| | |
| | |
| | |
| | |
| **DAP PENANG HQ** dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA** YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.02 BERTAM** YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400 (P) 04 - 576 7606 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN** YB Nor Hafizah Othman | |
| **N.05 SUNGAI DUA** YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |
| **N.10 SEBERANG JAYA** YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 (F) 04 - 390 5109 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH** YB Zulkifli Ibrahim n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.40 TELUK BAHANG** YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA** Ramli Omar | (T) 012 - 487 3070 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN** Rosli Hasan | (T) 010 - 468 5990 |
| **N.05 SUNGAI DUA** Mohd. Taupek Abd. Rahman hajifek@gmail.com | (T) 019 - 415 3850 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131 04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161 04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan



## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2020

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid | 019 - 464 6696 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390<br>04 -507 5390 |
| Chee Yeeh Keen | 019 - 455 7731 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397<br>04 - 399 6689 |
| Fahmi Zainol | 018 - 232 2502 |
| Galaimani a/l Subramnian | 012 - 534 1384 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 011 - 1119 4419 |
| Ngoh Cheng Hai | 017 - 979 0933 |
| Noor Azuawati Ahmad | 018 - 965 4559 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Boon Sheng | 016 - 447 8320 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Rohayah Zakaria | 019 - 404 9221 |
| Siti Shahanis Md. Sharif | 010 - 369 5641 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Choo Eng | 019 - 448 4344<br>04 - 323 2679 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zainuddin Mohamed | 012 - 479 4200 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamoorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | U. Jagatisan | Seberang Perai Selatan | | 010 - 563 2279 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2020

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Abdul Latif Mohamad | 012 - 248 5016 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Alan Lim Wei Lun | 017 - 343 3995 |
| Andrew Chua Thian Chai | 016 - 485 0031 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 019 - 413 8114 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Ir. Zulfikar Ali Shri Abdul Aziz | 019 - 470 0357 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Lee Wei Seang | 012 - 452 8305 |
| Mohd Suhairi Arumugam Abdullah | 016 - 521 3369 |
| Muhamad Khairul Mohd Ali | 012 - 542 0520 |
| Nor Afni Md. Yusuff | 019 - 547 8460 |
| Quah Boon Lim | 017 - 462 2431 |
| Rodziah Abul Khassim | 019 - 319 4840 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Tan Soo Siang | 012 - 475 2453 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI



Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



*Layari*

www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11885
Peminjam : SALWANI BINTI SALIM - 75121207**** NO. 1012 KAMPUNG BAGAN NYIOR, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ABDUL GANI BIN AHMAD - 76011907**** NO.6206 PAYA KELADI HUJUNG 13200 KEPALA BATAS, SPU,
Penjamin 2 : SALLINDA BINTI SALIM - 86031135**** NO.1012 MUKIM 12, BAGAN NYIOR, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11894
Peminjam : NUR DINIE BINTI ABDUL JALIL - 89071807**** 279-3-2 TAMPIN COURT, JALAN PERAK 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL JALIL BIN ABDULLAH - 63082402**** NO.301 TAMAN SRI DERGA FASA 2, JALAN DATO KUMBAR 05300 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 2 : SITI HALWANI BINTI ABDUL HALIM - 89032102**** NO.482 LORONG GAMELAN 2/2, TAMAN RIA JAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 11926
Peminjam : NURSYASYA AFINA BINTI SUHAIMI - 94121107**** NO.41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 1 : ROZITA BINTI MOHD ZAHARI - 64021608**** NO. 41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 2 : NOR ADILA BINTI AZMAN - 86122756**** NO. 41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG, SELANGOR

No Akaun : 11929
Peminjam : FARAH LIYANA BINTI ROZALI - 89021607**** NO.25 LORONG TASEK MAJU 4, TAMAN TASEK MAJU 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : ROZALI BIN SERAT - 64032707**** 2205 MUKIM 14, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MOHD SHARIZAL BIN MD ISA - 84121202**** NO.269 TAMAN SENA, LABU BESAR 09010 KULIM, KEDAH

No Akaun : 11937
Peminjam : MOHD AZLY BIN ZULKAPLEE - 82082502**** E-1-11, PESONA APARTMENT, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : NURUL ANIS BINTI ZULKAPLEE - 84083107**** NO.268C LORONG ASTANA 10/10, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : FAIZAL BIN MD SAID - 84081807**** NO.268C LORONG ASTANA 10/10, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 11941
Peminjam : ASMA NAZWIN BINTI MUHSIN - 92050807**** NO. 27 JALAN FORUM 4 7/31D, SEKSYEN 7, SHAH ALAM 40000 SELANGOR
Penjamin 1 : MUHSIN BIN SAID - 64081707**** NO.7148 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : FAZLIYATON BINTI AHMAD SUHAIMI - 73052707**** NO.7148 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11946
Peminjam : MALATHI A/P PANNIR SELVAM - 85052107**** 478 JALAN POKOK CHERRY, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : PANNIR SELVAM A/L VETRAYAN - 61050402**** NO.478 JALAN POKOK CHERRY 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHANMUGAM A/L PANNIR SELVAM - 89042007**** NO.478 JALAN POKOK CHERRY 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 11953
Peminjam : NOOR SYAFIQAH BINTI CHE OMAR - 89100802**** 2908 MUKIM 12, JALAN POKOK SENA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : CHE OMAR BIN ABDULLAH - 62010107**** NO.2908 MUKIM 12, JALAN POKOK SENA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : NOOR AZRUL BIN YAHAYA - 82041507**** NO.365 PERMATANG TOK JAYA, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH

No Akaun : 11973
Peminjam : SITI NUR BAYA BINTI IDRIS - 88042407**** 198D JALAN BURMA , GEORGETOWN 10350 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMMAD SHAHRIL BIN SHAFIE - 87051535**** NO. 30 PINTAS SEMBILANG 13, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : AHMAD KHAIRUL NIZAM BIN ARIF - 85031907**** NO. 273 JALAN DATO KRAMAT, KAMPUNG MAKAM 10150 PULAU PINANG

No Akaun : 11978
Peminjam : AFIZA BINTI MOHD ZAINI - 88093035**** SMA AL-AHMADIAH AL-IJTIMAIAH, JALAN PADANG LALANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NADIA BINTI MOHD ZAINI - 87082735**** NO.190 LORONG KEMUNING 3, TAMAN KEMUNING 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : MUHAMAD SYAFIQ BIN SUHAIMY - 88062635**** NO.534 MUKIM 19, MENGKUANG DAM 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11984
Peminjam : SHARREMHELAAN A/L GOBALA KRISHNAN - 95081507**** NO.155 PERSIARAN SEKSYEN 3/1, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : GOBALA KRISHNAN A/L V MUNIANDI - 59043007**** NO.155 PERSIARAN SEKSYEN 3/1, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : KOMALA A/P P M SUBRAMANIAN - 68062707**** NO.15 LORONG MELUR 14, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH

No Akaun : 11986
Peminjam : MUHAMAD FARIZ AIZAT BIN MOHD NASIR - 95052807**** NO.7203 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD NASIR BIN AYOB - 65081107**** NO.7203 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : FARA DIYANA BINTI MOHD NASIR - 89100607**** NO.7203 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11988
Peminjam : NOOR AQILAH BINTI AZIZ - 94120407**** NOMBOR 17, JALAN TERUBUK, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : AZARIZAL BIN AHMAD - 79081107**** NO.12 PINTAS TERUBUK 5, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : ZAINAB BINTI CHE ANI - 76061971**** NO.18 LORONG SERAI WANGI 3/1, TAMAN SERAI WANGI 09400 PADANG SERAI, KEDAH

No Akaun : 11991
Peminjam : MUHAMMAD AMIN EZEKIEL BIN ABDULLAH @ EZEKIEL A/L GANASAN - 89121907**** 22-14-9 EASTERN COURT , JALAN HIJAU 8, 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : GANASAN A/L MUTHU KUMARU - 67092107**** 3-7-3 TAMAN SRI BUNGA, JALAN TAPAH 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : THILATHAVATHY A/P SANGARAN - 86100135**** LOH GUAN LYE SPECIALISTS CENTRE, 19 & 21 JALAN LOGAN 10400 PULAU PINANG

No Akaun : 11993
Peminjam : AFFIFY SHUHADA BT ABDUL RAZAK - 90091807**** 58-3-5 TAMAN KOPERASI, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL RAZAK BIN SAARI - 64121607**** NO.64 LORONG PENAGA 19, TAMAN PENAGA 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : MOHAMMAD FAUZI BIN ABU BAKAR - 89070202**** 58-3-5 TAMAN KOPERASI 11600 JELUTONG, PULAU PINANG

No Akaun : 12001
Peminjam : MUHAMMAD FAIZ FATHI BIN KHAIRUDDIN - 93093007**** NO.36 LORONG PAUH JAYA 2/5 , TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : NORLIDA BINTI OTHMAN - 67030107**** NO.36 LORONG PAUH JAYA 2/5, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : AZHAR BIN ISMAIL - 72050607**** BLOK 1-02-05 TAMAN MAS, PESIARAN PANTAI JERJAK 11900 SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG

No Akaun : 12008
Peminjam : HASNIZA BINTI ABU BAKAR - 81062307**** SEKOLAH KEBANGSAAN ALOR SETAR, JALAN LANGGAR 05460 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 1 : MD SHIFON NIZAM BIN AHMAD - 81061402**** NO. 30 JALAN AMIRA 2 , TAMAN AMIRA, JALAN LANGGAR 05460 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 2 : NURUL SHAHIDA BINTI AHMAD - 86100802**** NO. 6A BATU 24 3/4 , JALAN EMPANGAN PEDU 06300 KUALA NERANG, KEDAH

No Akaun : 12010
Peminjam : SAFFIRUL AMRI BIN SATAR - 92051507**** TBP 6829 MUKIM 20, MENGKUANG KERETAPI 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SATARIYAH BINTI MAHMUD - 65072407**** TBP 6829 MUKIM 20, MENGKUANG KERETAPI 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NORSIAH BINTI SAHID - 65051707**** NO.737 PERMATANG KERIANG 13100 PENAGA, SPU

No Akaun : 12019
Peminjam : AHMAD RAZIN BIN SHAHUL HAMID - 92032507**** D-G-9 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10500 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MUHAMMAD AL-NUR BIN SHAHUL HAMID - 86110935**** 2A-03-09 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHAHUL HAMID BIN KALANTHER MASTAN - 65101507**** BLOK D-0-9 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10500 PULAU PINANG

No Akaun : 12030
Peminjam : ZURFATIN ASSHEILA BINTI ZULKIPLE - 90121407**** NO.1216 MUKIM 20, MENGKUANG MAK SULONG, PENANTI 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ZULKIPLE BIN RAZAK - 62010407**** NO.1216 MENGKUANG MAK SULONG, PENANTI 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : AHMD NIZAM BIN HARON - 76112502**** BLOK A-15-7 TAMAN BUKIT JAMBUL 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 12033
Peminjam : SITI KHADIJAH BINTI AZAHAR - 94082007**** 553 JALAN LEMBAH PERMAI, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ZARINA BINTI SHINTA MADAR - 70120207**** NO.11-A JALAN TEKONG 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD FADZIL BIN SHINTA MADAR - 73020507**** 2-8-F SOLOK TEMBAGA 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 12036
Peminjam : SHAIKH MUHAMMAD SYAZWAN BIN SHAIKH SULAIMAN - 92052207**** NO.180 E JELUTONG TIMUR, GEORGETOWN 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SHAIKH SULAIMAN BIN SHAIKH TAHIR - 65070401**** 1K-8-8 PASUKAN GERAKAN MARIN WILAYAH (1), BATU UBAN, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NORSAHIRA BINTI ZAINUL ABIDIN - 75121107**** NO.180 E JELUTONG TIMUR 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 12039
Peminjam : JEYASREE A/P ARUMUGAM - 86120535**** 8M-02-05 TANJUNG COURT, AIR ITAM, FARLIM 11500 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ARUMUGAM A/L K NADASON - 61110907**** NO. 2C-12-11 MEDAN ANGSANA SATU, JALAN THEAN TEIK 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : VINESH A/L ARUMUGAM - 92021307**** NO. 2C-12-11 MEDAN ANGSANA SATU, JALAN THEAN TEIK 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 12041
Peminjam : HAZLINDA BT ABDU MAJID - 87052535**** NO.37 JALAN PERWIRA, TAMAN WIRA 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : HASNAH BINTI ABDU MAJID - 83111407**** NO.37 JALAN PERWIRA, TAMAN WIRA 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : NORSHILA BINTI MOHAMAD YUSOP - 82112302**** NO.8 LORONG TENGGIRI 15, SEBERANG JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 12042
Peminjam : AMMAR ASYRAF BIN MOHD JAMIL - 95061308**** NO. 2 LORONG 4 , TAMAN TASEK INDAH 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : MOHD JAMIL BIN MAT NANYAN - 68051602**** NO. 2 LORONG TASEK INDAH 4, TAMAN TASEK INDAH 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : ROHAIZAT BIN AYOP - (MENINGGAL DUNIA) 1-4 BLOK A, JALAN PUTRI GUNUNG 1, MUTIARA JAYA, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 12044
Peminjam : ABDUL AZIZ BIN ABD. LATIF - 75012907**** 5-15-5 KRYSTAL SURIA, MEDAN KAMPUNG RELAU 1, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MUZIRAH BINTI TAJUDIN - 77080907**** 5-15-5 KRYSTAL SURIA, MEDAN KAMPUNG RELAU 1, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL RAHIM BIN ABD LATIF - 77081207**** 2-5-8 LEBUH NIPAH 3, TAMAN LIP SIN, SUNGAI NIBONG 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 12047
Peminjam : NURUL AZEERA BINTI MOHD AZLAN - 94010813**** NO.9 LORONG SINTOK 2, TAMAN PERMATANG SINTOK 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : WAN NOR BINTI HASSAN - 62050507**** NO.9 LORONG SINTOK 2, TAMAN PERMATANG SINTOK 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : ROSHIDAH BINTI HASSAN - 66031907**** NO.471 PERMATANG KUANG 13100 PENAGA, SPU

No Akaun : 12050
Peminjam : IKA FARIKAH AINANI BINTI MOHAMED YAMIN - 94051107**** NO. 9 LORONG SYAHBANDAR 35, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHAMED YAMIN BIN MOHAMED ALI - (MENINGGAL DUNIA) 2A-20-04 MUTIARA IDAMAN APARTMENT, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUHAMMAD DZRIFF AKRAM BIN MOHAMED YAMIN - 89010707**** NO. 9 LORONG SYAHBANDAR 35, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12054
Peminjam : MUHAMMAD AMIRUL SHAFIQ BIN AZMI - 95022307**** 2A-15-15 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 1 : YAZIQ BIN ABDULLAH - 69030408**** 2A-15-15 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUHAMMAD KHALILI BIN ABU BAKAR - 85012907**** A231 KAMPUNG BARU, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 12072
Peminjam : AFIDAH BINTI MD YUSOFF - 88112907**** 506 MK E KAMPUNG TITI TERAS, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMAD REDUAN BIN HUSSAIN - 78112302**** POLITEKNIK SEBERANG PERAI, JALAN PERMATANG PAUH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : AFIZAH BINTI MD YUSOFF - 81102207**** 31-11-3A THE CEO, LEBUH NIPAH 5, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG

No Akaun : 12085
Peminjam : WAN AHMAD NAJAH BIN WAN AHMAD ZAKI - 96110126**** 20 GERBANG SUNGAI ARA 6, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : WAN AHMAD ZAKI BIN WAN ISMAIL - 65080802**** 1C-G-5 TAMAN DESA BAYAN, JALAN MERBAH, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : WAN AHMAD NABIL BIN WAN AHMAD ZAKI - 89101302**** 11-1B JALAN PANDAN 3/10, PANDAN JAYA 55100 KUALA LUMPUR

No Akaun : 12093
Peminjam : JAMUNAH A/P VELU - 96121307**** NO.8 TAMAN BUAH PALA, LORONG KAKI BUKIT 11700 BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : VELU A/P MUTHU - 62050207**** NO.8 TAMAN BUAH PALA, LORONG KAKI BUKIT, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : PRASEENNAAH A/P VELU - 92100307**** NO.8 TAMAN BUAH PALA, LORONG KAKI BUKIT, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 12095
Peminjam : RAFIDAH AMIN BINTI ABD RAHMAN - 77041307**** NO.10 LORONG MAJU 4, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MAUDI BIN AZIZAN - 74021607**** NO.10 LORONG MAJU 4, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : ROSSAINI BIN MOHAMAD NASIR - 83021507**** NO.1386 POKOK TAMPANG 13300 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 12098
Peminjam : BARATHI A/P MOHAN - 93030902**** NO.483 LORONG CERMAI SATU, TAMAN CERMAI 06000 JITRA, KEDAH
Penjamin 1 : MALAR ARASI A/P SUNDARAM - 68121102**** NO.25 TINGKAT RUSA 5, TAMAN SELAMAT, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : SRITHAR A/L THANNIMALAYAN - 65020507**** NO. 32 LORONG SETIA 3, TAMAN SETIA, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12101
Peminjam : AHMAD ARIFFUDIN BIN ABD RASHID - 85051607**** BLOK C-9-45 PANGSAPURI PPR AMPANG JAJAR, JALAN PERMATANG PAUH 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : ROSLINA BINTI AHMED - 64010707**** BLOK C-9-45 PANGSAPURI PPR, AMPANG JAJAR, JALAN PERMATANG PAUH 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : SITI ZAIMAH BINTI ABD RASHID - 87070735**** BLOK C-9-45 PANGSAPURI PPR, AMPANG JAJAR, JALAN PERMATANG PAUH 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 12108
Peminjam : NUR AMIRA NATASHA BINTI HASNIZAL - 96111407**** 426 PINTASAN MAYANG 3, BAYAN BARU 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : HASNIZAL BIN HASHIM - 74050507**** NO.426 PINTASAN MAYANG 3, BAYAN BARU,BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG
Penjamin 2 : HASRINIZAM BIN HASHIM - 75091713**** NO.12 LORONG SEMBILANG, SEBERANG JAYA 13700 PERAI

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 12121
Peminjam : VENUTINI A/P THEVATHAS - 95040607****
BLOK 2-21-08 KONDOMINIUM ALAM SAUJANA, OFF JALAN IPOH 55100 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : ROGINI A/P THEVATHAS - 90060407****
B4-2 KUARTERS PERGURUAN BT13, JALAN LIPIS/BENTA 27200 KUALA LIPIS, PAHANG
Penjamin 2 : RAMADAS A/L SINNASAMY - 60071008****
BLOK 3-17-9 , LINTANG MACALLUM 2, 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 12129
Peminjam : GAUSALIA A/P SUBRAMANIAM - 90011007****
NO.11 LINTANG TALANG 6, PERAI GARDEN 13600 PERAI
Penjamin 1 : RAMESH A/L KANDAN - 77082401****
94-E MUKIM 12, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : KUMARAN A/L VISVANATHAN - 92033007****
NO.22 TINGKAT KIKIK 3, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI

No Akaun : 12133
Peminjam : AIDI ZULKARNAIN BIN HJ MD NOR - 68092507****
NO.22A SETIA VISTA, TINGKAT RELAU 6, RELAU 11900 BAYAN LEPAS
Penjamin 1 : ROFIQOH BINTI SHAARI - 72081802****
NO. 22A SETIA VISTA, TINGKAT RELAU 6, RELAU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ROHAYA BINTI SHAARI - 61062203****
NO.1948 MUKIM 9, TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12135
Peminjam : ONG GHEE CHYUAN - 89020207****
NO.9 LORONG ROZHAN 1, TAMAN ROZHAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : LOO AI DEN - 61041407****
NO.9 LORONG ROZHAN 1, TAMAN ROZHAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ONG MEI ZHEN - 86051935****
NO. 10 LORONG BUKIT MINYAK UTAMA 26, TAMAN BUKIT MINYAK UTAMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12136
Peminjam : AISHAH BINTI SHARIFF - 70073007****
NO. 202 JALAN MERBAU 2/1, TAMAN MERBAU, TIKAM BATU 08600 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : SHAHRUL ANUAR BIN HASHIN - 64071607****
NO.202 JALAN MERBAU 2/1, TAMAN MERBAU, TIKAM BATU 08600 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : ABDUL RAHMAN BIN SHARIFF - 71091107****
NO.1 LORONG BENTARA 28, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12141
Peminjam : ROSIDA BINTI MOHD NOOR - 88071235****
2289 KAMPUNG CHANGKAT 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : NORAZLINA BINTI MOHD NOOR - 81051307****
MB-2-10 APARTMENT DELIMA INTAN, TAMAN SERI DELIMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : RUSLEE BIN OSMAN - 79052707****
MA- 5-11 APARTMNT DELIMA INTAN, TAMAN SERI DELIMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12152
Peminjam : NOR FARHANA BINTI YUSUF - 90090107****
A276, KAMPUNG BUKIT MERIAM 08500 KOTA KUALA MUDA, KEDAH
Penjamin 1 : NORMAH BINTI ABDUL HAMID - 61051607****
A276 KAMPUNG BUKIT MERIAM, KOTA KUALA MUDA 08500 KEDAH
Penjamin 2 : FOZIAH BINTI ABD HAMID - 59120807****
NO.203 PERMATANG KERIANG 13110 PENAGA, SPU

No Akaun : 12153
Peminjam : MOHAMAD AMIRUL ASHRAF BIN FADZIL - 94071207****
43 LORONG JAWI INDAH 1, TAMAN JAWI INDAH 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1 : NORIZAH BINTI MOHD RADZI - 66073010****
43 LORONG JAWI INDAH 1, TAMAN JAWI INDAH, 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 2 : KAMARUL AL-HAFIZ BIN ABDUL RAZAK - 85052310****
NO.876 JALAN MUTIARA 11/3, TAMAN MUTIARA 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 12154
Peminjam : MUHAMMAD SYUWARI BIN MANSOR - 96101607****
7142(C), JALAN DATUK HAJI AHMAD BADAWI 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : JOHARI BIN SAMSUDIN - 79100607****
NO.9793 JALAN PERMATANG RAMBAI 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : AZHAR BIN MOHAMED - 71033101****
NO.7 LORONG DAHLIA 2, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12161
Peminjam : VIVEINDIRAN THEVAR A/L MANOHARAN - 93032807****
NO.10 MEDAN RIANG, TAMAN RIANG 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MANOHARAN A/L NAGAPAN - 62021707****
NO.10 MEDAN RIANG, TAMAN RIANG 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : MAGANTHIRAN A/L NAGAPAN - 66120407****
NO.27 JALAN BUNGA TANJUNG 1, OFF JALAN RAJA UDA 12300 BUTTERWORTH

No Akaun : 12165
Peminjam : GOH SU YONG - 92100807****
BLOCK 5-1-15, DESA GREEN 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHEAH GIM LAY - 67022107****
BLOK 5-1-15 DESA GREEN 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOH KAR WEI - 89081907****
BLOK 5-1-15 DESA GREEN 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 12169
Peminjam : NUR ZAILIS BINTI ISHAK - 92031503****
105(A) JALAN PERMATANG BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : NOORLELA BINTI AHMAD - 63060907****
NO.105(A) JALAN PERMATANG BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MAZNIZA BINTI MAT SAAT - 75012803****
NO.7 LORONG BERTAM INDAH 32, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12172
Peminjam : SHAWN PANDIAN GUNALAN - 96071107****
BLOK 2-T09-U03, NO.1 JALAN PSA, PARCEL SR6, PRESINT 5, 62200 PUTRAJAYA
Penjamin 1 : GRACE RANJITHAM A/P P.A. SAMUEL - 68091307****
BLOK 2-T09-U03, NO.1 JALAN PSA, PARCEL SR6, PRESINT 5, 62200 PUTRAJAYA
Penjamin 2 : REBEKAH SELVARANI A/P PASAMUEL - 71031107****
NO.17 PERSIARAN KOTA PERMAI 1, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12174
Peminjam : CHEW YUE XIANG - 90100907****
A1-20-13 HALAMAN KRISTAL, LENGKOK FREE SCHOOL 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHEW KAR KOON - 61102907****
A1-20-13 HALAMAN KRISTAL, LENGKOK FREE SCHOOL 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHEAH HOON HONG - 64032807****


# TAMAN PUTERI EMAS

(FASA 2A) (Simpang Empat Tasek)

HAKMILIK KEKAL
5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA







LAI KEAT DEVELOPMENT SDN BHD (654592-P)
Blok 5-3-8, Jalan Gangsa, Greenlane Height 11600 Penang
Tel: 04-6597395 Fax: 04-6569105
H/P: 012-4158318 / 012-5977542

Harga Minimum: RM 550,000.00 • Harga Maximum: RM 709,000.00 • Keluasan Tanah: 2,540 kaki persegi • Keluasan Binaan: 2,569 kaki persegi
No. Lesen Pemaju: 10508-5/10-2021/0983(L) • Tempoh Sah: 24/10/2019 hingga 23/10/2021 • No. Periklanan & Permit Jualan: 10508-5/10-2021/0983(P)
Tempoh Sah: 24/10/2019 hingga 23/10/2021 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: MPSP • No. Plan Bangunan: MPSP/40/20-61/2
Jenis Pegangan: Bebas • Tarikh Jangka Siap: Dec 2020

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

# Penduduk Changkat nikmati kemudahan jalan lebih selesa

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADUN**



H'NG Mooi Lye (tengah) menunjukkan kerja-kerja penurapan jalan menggunakan peruntukan beliau sebagai ADUN melibatkan tiga kampung iaitu Jalan Kampung Changkat, Kampung Bukit Changkat serta Kampung Bagan Buaya di sini baru-baru ini.

**JAWI –** Penduduk dalam kawasan kelolaan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Changkat dekat sini, kini menikmati kehidupan lebih selamat serta selesa apabila kerja penurapan jalan-jalan sedia ada hampir siap sepenuhnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye berkata bahawa hanya kira-kira lima peratus sahaja lagi jalan yang masih belum diturap dan kini dalam proses untuk mendapat kelulusan daripada Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang.

Menurut beliau, kos bagi kerja-kerja penurapan jalan di kawasan melibatkan tiga kampung iaitu Jalan Kampung Changkat, Kampung Bukit Changkat serta Kampung Bagan Buaya berkaitan adalah bernilai RM168,907.70 melalui peruntukan ADUN.

"Sistem perparitan juga dinaik taraf melalui pembinaan longkang 'U'.

"Jalan-jalan ini adalah amat penting kerana menjadi laluan utama bagi penduduk khususnya yang tinggal di Kampung Bagan Buaya untuk menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Kebangsaan Keledang Jaya.

"Sebelum jalan ini diturap, banyak masalah dihadapi penduduk seperti kemalangan melibatkan motosikal selain menjadi laluan bagi binatang liar seperti babi hutan dan ular berbisa.

"Oleh itu, selepas jalan-jalan ini siap, rata-rata penduduk yang saya temui memberitahu bahawa kini mereka sudah tidak berasa bimbang lagi untuk menghantar anak-anak ke sekolah," katanya dalam kenyataan kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Sementara itu, seorang penduduk yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa MPKK Changkat, Abdul Karim Mustafa memaklumkan bahawa keadaan di kawasan berkenaan lebih terbela selepas kerajaan Pakatan Harapan menerajui kepimpinan negeri sejak 2008.

"Selain penurapan semula jalan, banyak lagi kemudahan yang dibina di kawasan ini termasuk dewan sepak takraw terbuka, taman permainan kanak-kanak dan penaiktarafan sistem perparitan kepada keadaan lebih baik.

"Penduduk di sini amat gembira dan lega dengan keprihatinan Kerajaan Negeri khususnya YB H'ng Mooi Lye yang telah banyak membantu demi keselesaan masyarakat luar bandar khususnya dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi," ujarnya.



SISTEM perparitan yang turut dinaik taraf melalui pembinaan longkang 'U'.

# Pagar laluan pejalan kaki dan basikal demi keselamatan



AR. Yew Tung Seang.

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bakal membina pagar di sepanjang laluan pejalan kaki dan basikal di Persiaran Karpal Singh di sini.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata bahawa pembinaan pagar sepanjang 900m (meter) tersebut adalah bermula dari Lebuh Sungai Pinang 7 hingga Persiaran Karpal Singh 1.

"Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Lalulintas MBPP telah meluluskan pembinaan pagar ini sebagai usaha mengekang serta menghalang motosikal daripada memasuki kawasan pejalan kaki dan laluan basikal.

"Ia adalah demi keselamatan orang ramai memandangkan kawasan tersebut merupakan lokasi riadah umum," ujarnya sambil memberitahu bahawa Majlis belum memuktamadkan kos pembinaan terlibat.

Tung Seang berkata demikian ketika sidang media sejurus Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) yang berlangsung pada 22 Oktober lalu di sini

Dalam perkembangan berasingan, MBPP difahamkan akan melaksanakan pembangunan semula perumahan awam, kuarters kakitangan dan rumah mampu milik (RMM) di Jalan Shaik Madar.

Menurut Tung Seang, MBPP telah meluluskan Permohonan Cadangan Projek (RFP) dan bersetuju meluluskan kertas kerja yang telah dibentangkan.

"Tapak Lot 2282, 2283 dan 2284 di Jalan Shaik Madar, Sek. 5, Ayer Itam ini didiami oleh penyewa tanah sebelum ini… ekoran kawasan ini terletak di lokasi rendah, ia sering dilanda banjir.

"Justeru, pembangunan semula akan dilakukan di tanah berkenaan yang berkeluasan 9.1 ekar dengan membina 100 unit kediaman terdiri daripada perumahan awam, kuarters kakitangan dan RMM serta unit kedai (6)," ulasnya.

## Permit Perniagaan Dari Rumah bantu peniaga kecil

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengeluarkan Permit Sementara Perniagaan Dari Rumah *(Business From Home)* kepada pengusaha yang menjalankan perniagaan berskala kecil di rumah kediaman mulai 1 November 2020.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, hanya warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas layak memohon serta diberi permit dengan kadar bayaran RM10 bagi tempoh 1 November 2020 hingga 31 Disember 2021.

Jelas beliau, permit tersebut tidak boleh disewakan atau dipajak kecil (dialibabakan) kepada warganegara asing dan pemohon mestilah menjalankan perniagaan di rumah kediaman yang didudukinya sendiri.

"Peniaga-peniaga kecil yang sedang menggunakan rumah kediaman bagi menjalankan perniagaan berskala kecil, tidak berisiko serta tidak menimbulkan kacau ganggu boleh memohon dan ia tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat pelesenan ditetapkan.

"Dan, paling utama adalah pemohon yang terlibat dengan pengendalian serta penyediaan makanan adalah diwajib mendapatkan suntikan pelalian tifoid dan perlu menghadiri kursus pendidikan kesihatan yang ditetapkan oleh Majlis," ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis di sini 22 Oktober lalu.

Hadir sama, Ahli-Ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Mengulas lanjut mengenai inisiatif yang dilihat mampu membantu peniaga-peniaga kecil memperoleh sumber pendapatan tambahan, Tung Seang memaklumkan bahawa ia adalah untuk memberi kemudahan kepada mereka berniaga secara sah.

"Walau bagaimanapun, MBPP boleh mengenakan syarat-syarat tambahan pelesenan dari semasa ke semasa dan menarik balik serta membatalkan permit sementara berkenaan sekiranya didapati pengusaha telah melanggar mana-mana syarat ditetapkan sepertimana kuasa yang diberi di bawah peruntukan Seksyen 107(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976," tegasnya.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Bahagian Pelesenan MBPP di talian 04-263 881 atau rujuk laman sesawang, *www.mbpp.gov.my*.

# Kompaun tempat letak kereta serendah RM5 sehingga akhir tahun

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Pesalah yang menerima kompaun tempat letak kereta yang dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) boleh menjelaskan bayaran pada kadar RM5 bagi setiap kesalahan sehingga 31 Disember tahun ini.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, promosi tersebut tidak termasuk kompaun yang telah didaftarkan untuk tindakan mahkamah dan kompaun atas kesalahan meletak kenderaan di petak orang kurang upaya (OKU).

Beliau memberitahu bahawa promosi yang dijalankan tersebut adalah bertujuan membantu dan meringankan beban pembayar cukai dalam tempoh penularan pandemik COVID-19.

"MBSP sedaya upaya memudahkan dan memberi peluang kepada para penerima kompaun dengan bayaran hanya RM5 tapi sekiranya pemandu masih ingkar, tindakan tegas akan diambil termasuk membawa kes ke mahkamah.

"Pada tahun 2019, sebanyak 9,605 kes telah dibawa ke mahkamah bagi kesalahan tempat letak kereta, dan 121 kenderaan telah ditarik manakala bagi tahun 2020 sebanyak 3,409 kes telah dibawa ke mahkamah dengan 27 kenderaan telah ditarik.

"Oleh itu, saya tegaskan bahawa sekiranya pemandu masih lagi berdegil, kita (MBSP) akan bertindak menarik kenderaan atau membawa kes ke mahkamah bergantung kepada kewajaran kesalahan mereka," ulasnya selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis MBSP dekat Menara Bandaraya di sini 22 Oktober lalu.

Selain kesalahan tempat letak kereta, Rozali menyatakan bahawa MBSP juga menjalankan promosi kompaun berkaitan kesihatan awam dan veterinar yang melibatkan 539 kompaun.

"Sehingga kini, jumlah kompaun masih belum dijelaskan adalah sebanyak 229 manakala 310 telah dijelaskan sepanjang promosi diadakan.

"Kebanyakan yang dikompaun di bawah kesalahan ini adalah peniaga. Oleh itu kita harap peniaga-peniaga dan pelaku kesalahan boleh membayar sebelum 31 Disember 2020," ujarnya.

Tambah beliau, MBSP juga memberikan diskaun 20 peratus bagi tunggakan lesen papan iklan.

"Sehingga kini, hanya lima daripada 350 papan iklan yang diluluskan oleh MBSP membuat pembaharuan lesen.

"Sekiranya mereka masih tidak membayar (permit) sehingga 31 Disember ini, tindakan meruntuhkan struktur papan iklan akan dilakukan pada bila-bila masa sahaja," katanya.



SR. Rozali Mohamud menunjukkan dokumen-dokumen berkaitan pada sidang media sejurus mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis MBSP dekat Menara Bandaraya di sini baru-baru ini.

## MBSP tubuh Bahagian Keselamatan dan Komuniti kawal pembuangan sampah haram

**SEBERANG JAYA –** Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menubuhkan Bahagian Keselamatan dan Komuniti (BKK) yang bertanggungjawab terhadap aspek keselamatan termasuk mengawal pembuangan sampah secara haram.

Datuk Bandarnya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, BKK yang ditubuhkan pada 1 September 2020 adalah terdiri daripada anggota-anggota polis bantuan dan direktorat penguatkuasaan MBSP.

"Antaranya, Unit Warden Trafik MBSP akan melakukan rondaan di jalanan dan menahan lori-lori sampah untuk membuat pemeriksaan bagi memastikan mereka memiliki permit sah daripada MBSP.

"Sekiranya semakan mendapati lori sampah ini tidak memiliki permit pembuangan sampah yang sah, mereka boleh diambil tindakan mengikut perundangan sedia ada," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis MBSP dekat Menara Bandaraya di sini 22 Oktober lalu.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis bagi MBSP; Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod serta ketua-ketua jabatan MBSP.

Mengulas lanjut, Rozali memaklumkan bahawa MBSP telah mengenal pasti kegiatan pembuangan sampah haram di kawasan terpencil dekat Batu Kawan iaitu dari sepanjang sungai sehingga ke Pulau Burung.

Tambah beliau, sehingga kini, pihaknya telah melakukan kerja-kerja pembersihan di kawasan terbabit dan proses penyiasatan sedang giat dijalankan untuk mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab melakukan perbuatan tersebut.

"MBSP beri amaran tegas kepada kontraktor-kontraktor pembuangan sampah termasuk yang melakukan kerja-kerja pembinaan atau naik taraf bangunan di Batu Kawan bahawa mereka tidak akan terlepas.

"Mereka akan dikenakan tindakan tegas sekiranya didapati melakukan pembuangan sampah secara haram walaupun di kawasan terpencil.

"Malah, MBSP juga akan mengenakan tindakan tegas kepada pengilang-pengilang mengikut undang-undang sedia ada sekiranya sampah yang dibuang itu didapati datang dari kilang-kilang mereka," ulasnya.





**KHAIRUL Amin Ahmad menunjukkan hasil tanaman kangkung dan bayam yang diusahakan beliau.**



**KERJA penyemburan racun yang dibenarkan bagi mengelakkan tanaman rosak akibat ulat serta serangga.**

# Wartawan sukan kepada petani muda berjaya

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**MENJADI** petani bukanlah kerjaya pilihan bagi kebanyakan individu memandangkan bidang berkenaan memerlukan seseorang bekerja di bawah panas matahari, bergelumang dengan tanah dan menghabiskan masa seharian untuk memerhatikan tanaman.

Namun begitu, bagi mereka yang gigih berusaha disulami dengan kesabaran yang tinggi, bidang pertanian bukan sahaja memberikan kepuasan tersendiri malah mampu menjana hasil lumayan.

Perkara ini dibuktikan melalui usaha **KHAIRUL AMIN AHMAD**, 32, anak jati Pulau Pinang yang kini mengusahakan kebun sayuran seluas lima ekar dekat Kampung Aman, Tasek Gelugor.

Menurut Khairul Amin, beliau memulakan kerjaya sebagai wartawan sukan di sebuah agensi rangkaian televisyen sebelum mengambil keputusan beralih ke sektor perladangan.

Selepas tiga tahun, Khairul Amin memutuskan untuk mengusahakan sendiri kebun sayur bermula dengan menanam lima jenis sayuran seperti bendi, sawi, bayam, kangkung dan kacang panjang di atas tanah seluas dua ekar.

"Saya mula melibatkan diri dalam sektor pertanian dengan bekerja bersama abang ipar selama kira-kira empat tahun sebelum mengambil keputusan untuk berdikari dengan membuka kebun sayuran sendiri yang diusahakan bersama isteri pada pertengahan tahun 2015.

"Bermodalkan RM15,000, saya mengusahakan kebun pertama dekat Pokok Sena seluas dua ekar dengan dibantu oleh dua orang pekerja.

"Selepas setahun, saya mengambil keputusan untuk mengembangkan lagi kebun sayuran kepada lima ekar dengan bantuan lapan pekerja selepas mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan.

"Tanaman sayuran utama yang saya usahakan adalah kangkung, sawi dan bayam serta beberapa jenis tanaman sampingan seperti bendi, terung dan kacang panjang bergantung kepada permintaan pelanggan," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui dekat Tasek Gelugor baru-baru ini.

Tambah beliau, anggaran hasil tanaman sayuran yang dikeluarkan dalam sehari adalah sebanyak 1200 kilogram (kg) atau 1.2 tan dengan kekerapan tuaian sebanyak dua kali.

"Hasil tuaian sebelah pagi akan dihantar ke beberapa daerah di Kedah seperti Gurun, Sik, Alor Setar, Guar Cempedak manakala bahagian petang adalah untuk pasar-pasar borong serta pasar raya seperti Mydin dan Sunshine di negeri ini.

"Sebelum pandemik COVID-19, sayur-sayuran ini turut dihantar ke luar negara melalui beberapa kapal persiaran dekat Jeti Swettenham melalui salah seorang pemborong di sana.

"Justeru, selepas ditolak semua perbelanjaan bagi membeli racun, benih dan kelengkapan pertanian, kita masih memperoleh keuntungan kira-kira RM15,000 sebulan bergantung kepada harga sayur-sayuran di pasaran," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau menekankan bahawa seseorang yang mahu berkecimpung dalam bidang pertanian perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan terutamanya mengenai tanah dan penjagaan tanaman.

"Selain kena buang rasa malu, hendak jadi petani juga memerlukan ilmu pengetahuan contohnya berkaitan nilai keasidan atau kealkalian (pH) sesuatu tanah kerana ia berkait rapat dengan pertumbuhan tanaman yang ditanam.

"Petani juga perlu mempunyai kesabaran tinggi kerana pertanian bukanlah bidang pekerjaan yang menjanjikan pulangan lumayan dalam tempoh masa singkat sebaliknya perlu menunggu beberapa bulan sebelum hasil dapat dijana," katanya.

Menyentuh soal cabaran, Khairul Amin menjelaskan bahawa keadaan paling sukar bagi seseorang petani adalah cuaca terutamanya apabila berlaku hujan lebat kerana tanah akan menjadi lebih berasid.

"Selain itu, mencari pasaran juga merupakan antara cabaran yang dihadapi petani kerana kita sendiri perlu mengenal pasti pasaran untuk jualan sayur-sayuran yang ditanam.

"Oleh itu, saya nasihatkan kepada mereka yang berhasrat untuk memulakan pertanian supaya mencari pemborong untuk membeli sayuran yang diusahakan terlebih dahulu supaya hasil yang dituai dapat dijual di pasaran.

"Bagaimanapun, apa yang paling dibimbangi oleh petani adalah apabila berlaku lambakan sayuran di pasaran yang mana keadaan ini akan menjejaskan harga jualan dan adakalanya hasil yang dikutip langsung tidak terjual," ujarnya.

Dalam pada itu, Khairul Amin memberitahu bahawa bidang pertanian masih lagi terbuka luas kepada sesiapa yang berminat untuk menceburkan diri dalam sektor tersebut.

"Nasihat saya kepada mereka yang mahu memulakan pertanian adalah jangan takutkan kegagalan kerana setiap perniagaan pasti ada untung dan rugi, yang penting kena terus berusaha," nasihatnya.

Pada pendapat penulis, selain seorang yang peramah, sikap positif yang ditunjukkan Khairul Amin mungkin menjadi antara penyumbang kepada kejayaan yang dikecapi beliau pada hari ini.



**SALAH seorang pekerja sedang membajak tanah sebelum memulakan proses penanaman benih sayuran.**



**KEBUN sayuran yang diusahakan.**